



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL



LAPORAN TAHUNAN 2011 ANNUAL REPORT

ISI KANDUNGAN | CONTENTS

- 3** **Perutusan Pengerusi**
Chairman's Statement
- 11** **Latar Belakang MPM**
Background of MEC
- 23** **Maklumat Korporat**
Corporate Information
- 31** **Tadbir Urus Korporat**
Corporate Governance
- 39** **Struktur Organisasi Majlis**
Organisational Structure of the Council
- 55** **Mesyuarat Utama Pengurusan**
Top Management Meetings
- 59** **Kawalan Dalaman dan Jaminan Kualiti Pengurusan**
Internal Control and Management Quality Assurance
- 73** **Jaminan Kualiti**
Quality Assurance
- 81** **Urus Setia**
Secretariat
- 87** **Laporan Pencapaian**
Performance Reports
- 95** **Mesyuarat Peringkat Urus Setia**
Secretariat Level Meetings
- 99** **Inisiatif Baharu**
New Initiatives
- 105** **Laporan Peperiksaan**
Examination Reports
- 135** **Peningkatan Profesionalisme Modal Insan**
Professional Development of Human Capital
- 151** **Penyata Kewangan**
Financial Statements
- 169** **Badan Kebajikan, Kebudayaan, dan
Sukan Kakitangan (BKKS), dan PUSPANITA**
Staff Welfare, Culture and Sports Body (BKKS) and PUSPANITA

PERUTUSAN PENERUSI

Chairman's Statement



PERUTUSAN PENGGERUSI

Chairman's Statement

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Bagi pihak Majlis, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan Penyata Kewangannya yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2011.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih atas perlantikan saya sebagai Pengerusi MPM yang kesembilan. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan khas kepada Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak yang telah tamat perkhidmatan daripada jawatan Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia (USM), sekali gus juga tamat perkhidmatannya daripada jawatan Pengerusi MPM. Selain daripada itu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Haji Omar bin Abu Bakar yang telah tamat perkhidmatannya daripada jawatan Ketua Eksekutif MPM pada 18 Disember 2011.

Dalam masa yang sama, saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Y. Bhg. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha bin R. Abdullah, bekas Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM); Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Aminah binti Ayob, bekas Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); dan Tuan Haji Sufa'at bin Tumin, bekas Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan, atas sumbangan yang telah diberikan semasa menganggotai Majlis.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Y. Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar bin Radin Sohadi, Naib Canselor UPM; Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria bin Kasa, Naib Canselor UPSI; Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Omar bin Osman, Naib Canselor USM; dan Y. Bhg. Dr. Naimah binti Ishak, Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan, sebagai Ahli Majlis yang baharu.

Assalamualaikum and greetings.

On behalf of the Council, it is my pleasure to present the Annual Report and the Audited Financial Statements of the Malaysian Examinations Council (MEC) for the financial year ended 31 December 2011.

First and foremost, I would like to take this opportunity to express gratitude for my appointment as the 9th Chairman of MEC. My appreciation and thanks are also dedicated to Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak who had completed his term of service as the Vice Chancellor of Universiti Sains Malaysia, and thus, also ended his term as the Chairman of MEC. In addition, I would like to express my heartfelt gratitude to Tuan Haji Omar bin Abu Bakar, who had completed his term of service as Chief Executive on 18 December 2011.

I would also like to express my gratitude and thanks to Y. Bhg. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha bin R. Abdullah, former Vice-Chancellor of Universiti Putra Malaysia (UPM); Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Aminah binti Ayob, former Vice-Chancellor of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); and Tuan Haji Sufa'at bin Tumin, former Director of Examinations, Examinations Syndicate, for their contributions when they were members of the Council.

I also would like to welcome Y. Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar bin Radin Sohadi, Vice-Chancellor of UPM; Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria bin Kasa, Vice-Chancellor of UPSI; Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Omar bin Osman, Vice-Chancellor of USM; and Y. Bhg. Dr. Naimah binti Ishak, Director of Examinations, Examinations Syndicate, as new members of the Council.

PENGENDALIAN PEPERIKSAAN DAN UJIAN TAHUN 2011

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana semua peperiksaan dan ujian yang dipertanggungjawabkan kepada MPM pada tahun 2007 telah dapat dilaksanakan dengan lancar dan jayanya. Untuk itu, saya ucapkan syabas kepada semua warga MPM atas kejayaan mengendalikan peperiksaan ini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan ini kepada semua pihak yang telah membantu MPM dalam urusan pengendalian peperiksaan, terutamanya kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Tanpa kerjasama yang erat dan bersepadu dari pihak-pihak yang berkenaan, tidak mungkin MPM dapat mengendalikan peperiksaan dan ujian berkenaan dengan begitu sempurna.

Dari segi prestasi peperiksaan dan ujian berkenaan, ternyata prestasi calon amat membanggakan saya. Untuk itu, saya mengucapkan tahniah kepada semua calon peperiksaan yang berjaya. Saya percaya kejayaan ini tercapai hasil gabungan usaha gigih calon, guru, dan pihak pentabiran sekolah, di samping galakan dan doa restu daripada ibu bapa calon. Syabas sekali lagi daripada saya kepada semua yang terlibat.

TANGGUNGJAWAB PENDIDIKAN

Selaras dengan aspirasi Program Transformasi Pendidikan, MPM akan melakukan penjenamaan semula sistem pentaksiran STPM. Usaha ke arah ini bermula pada tahun 2006 dengan cadangan untuk merombak sistem peperiksaan STPM yang sedia ada kepada sistem pentaksiran baharu STPM. Cadangan ini, Insya Allah, akan dilaksanakan mulai sesi pengambilan pelajar Tingkatan Enam Bawah 2012.

Perubahan ini dianggap sebagai satu anjakan paradigma yang perlu dilakukan dalam usaha

ADMINISTRATION OF TESTS AND EXAMINATIONS IN 2011

I am grateful to Allah S.W.T. upon his blessings, MEC was able to shoulder its responsibilities to conduct the 2007 tests and examinations efficiently and successfully. Congratulations to all MEC staff on the success of managing these tests and examinations. In addition, I also wish to express my gratitude to all who have helped MEC in the administration of the tests and examinations, especially to the State Education Departments and District Education Offices. Without the close cooperation and rapport from these parties, MEC would not have been able to conduct the administration of the tests and examinations efficiently.

I am proud of the candidates' performance in the tests and examinations. Congratulations to all successful candidates. I believe their success is achieved due to the combined efforts and diligence of the candidates, teachers, and school administrators, as well as the encouragement and prayers from candidates' parents. My congratulations once again to everyone involved.

EDUCATIONAL RESPONSIBILITY

In line with the aspiration of the Education Transformation Programme, MEC will be re-branding the STPM assessment system. The efforts began in 2006 with the proposal to revamp the current STPM system to the new STPM assessment system. God willing, this proposal will be implemented beginning from the 2012/2013 Lower Six student intake.

This change is considered a paradigm shift which has to be carried out to enhance the form six education programme, in line with its status as pre-university education serving to

untuk memperkasakan program pendidikan tingkatan enam selaras dengan statusnya sebagai pendidikan prauniversiti yang berperanan memperlengkapkan pelajar untuk menuntut ilmu dalam persekitaran institusi pengajian tinggi.

Perubahan sistem pentaksiran ini juga diharapkan akan dapat mengangkat martabat pengajian prauniversiti di tingkatan enam supaya lebih berkualiti dan menarik serta dapat mentransformasikan pentaksiran dan penilaian peperiksaan STPM yang lebih holistik.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan dalam bidang pentaksiran dan penilaian, MPM sedar akan kesan pembangunan modal insan terhadap kejayaan sesuatu organisasi. Dengan demikian, MPM telah menerapkan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang menetapkan setiap penjawat awam perlu mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh hari dalam setahun. Hasilnya, hampir keseluruhan warga MPM telah menjalani latihan purata sebanyak 13 hari. Selain latihan dan kursus dalaman, MPM juga turut menghantar warganya mengikuti latihan dan kursus di luar yang diusahakan oleh agensi lain.

Selain menyediakan ruang latihan untuk warga sendiri, MPM juga turut menerima penjawat awam dari jabatan dan agensi lain, termasuk dari luar negara, melalui lawatan dan program khas. Kehadiran mereka ini untuk menjadikan MPM sebagai penanda aras dan mempelajari pengalaman MPM dalam bidang pentaksiran dan penilaian.

Di samping itu, MPM juga telah menaja beberapa orang warganya mengikuti pengajian yang lebih tinggi, iaitu di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana, dan kedoktoran. Sebanyak lima orang warga MPM menerima tajaan Skim Hadiah Latihan MPM.

prepare students for studies in institutions of higher learning.

The change in assessment system is aimed to raise the status of form six studies, for it to be of better quality, to be more appealing and to transform STPM assessment and evaluation for it to be more holistic in nature.

HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

As an agency responsible for assessment and evaluation, MEC is aware of the importance of human capital development towards the success of the organisation. Thus, MEC adopts the Public Sector Human Resources Training Policy which makes it compulsory for civil servants to attend courses for a minimum of seven days in a year. As a result, almost the entire MEC staff have undergone courses for an average of 13 days. Besides training and in-house courses, MEC also sends its staff for external courses organised by other agencies.

Besides providing training for its staff, MEC had visits from civil servants from other departments and agencies as well as those from abroad. These visits set MEC as a benchmark to benefit from MEC's experience in the field of assessment and evaluation.

In addition, MEC also sponsored a few staff to pursue higher degrees at the bachelors, masters and doctoral levels. A total of five staff have received sponsorship through MEC's Training Reward Scheme.

PRESTASI KEWANGAN

Perspektif pengurusan kewangan tahun 2011 mencatatkan prestasi baik. Hasil daripada pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat serta langkah penjimatan yang diamalkan oleh urus setia MPM sepanjang tahun 2011, MPM telah memperoleh lebih pendapatan bagi tahun 2011 sebanyak RM8,108,094.

Pendapatan keseluruhan yang diperoleh pada tahun 2011 adalah sebanyak RM39,298,694, iaitu menurun pada kadar 15% berbanding dengan tahun 2010.

Sebanyak RM31,190,600 telah dibelanjakan untuk membiayai kos operasi pada tahun 2011, iaitu penurunan sebanyak 18% berbanding dengan tahun 2010. Secara keseluruhannya, faktor utama kepada penurunan pendapatan dan perbelanjaan adalah disebabkan oleh pemansuhan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Dengan demikian, saya berasa bangga dengan pengurusan kewangan MPM yang berlandaskan perbelanjaan berhemat hasil daripada usaha berterusan untuk mengawal perbelanjaan.

PROSPEK MASA DEPAN

Pengenalan sistem pentaksiran baharu STPM adalah bertepatan dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian negara agar lebih holistik. Sistem ini menitik beratkan pendidikan berasaskan hasil (outcome based) yang lebih berpusatkan pelajar. Dengan ini juga, saya yakin pendidikan tingkatan enam akan lebih menarik dan ramai pelajar akan lebih berminat memasuki tingkatan enam dan mengambil peperiksaan STPM.

Selain daripada itu, selaras dengan Program Transformasi Pendidikan yang memberi fokus

FINANCIAL PERFORMANCE

The 2011 financial management perspective recorded good performance. As a result of prudent and efficient financial management, and austerity measures adopted by the MEC secretariat in 2011, MEC acquired a surplus income amounting to RM8,108,094 for 2011.

The total income earned in 2011 amounted to RM39,298,694, a decrease of 15% compared to 2010.

A total of RM31,190,600 was spent to cover operation costs in 2011, a decrease of 18% compared to 2010. Overall, the main factor for the reduction of income and expenses is due to the abolition of the Competency Level Assessment (PTK) examination.

Thus, I am proud of the financial management of MEC which is based on discretionary spending as ongoing efforts to control expenses.

FUTURE PROSPECTS

The introduction of the new STPM assessment system is in line with the objective of the Ministry of Education Malaysia (MOE), to make the nation's assessment and evaluation system more holistic. This system emphasises outcome based learning, which is more student-centred. With this, I am confident that the form six education will be more attractive and that more students will enrol for form six and take the STPM examination.

In accordance with the Education Transformation Programme which focuses on the quality and

kepada kualiti dan kompetensi pelajar, MPM akan terus berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatannya dalam bidang pentaksiran pendidikan. MPM akan terus berusaha mencari kaedah dan amalan yang terbaik dalam menjalankan tugas yang diamanahkan dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.


PENGHARGAAN

Pada keseluruhannya, saya amat berpuashati dengan pencapaian dan kejayaan MPM sepanjang tahun 2011. Saya percaya, pencapaian, serta kejayaan yang dikecapi ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa kerjasama, sokongan padu, dan semangat yang jitu daripada seluruh kepimpinan dan warga MPM. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis atas kerjasama dan nasihat yang diberikan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua warga MPM atas perkhidmatan mereka yang dedikasi dan usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan perkhidmatan sehingga ke hari ini. Saya memohon dan berharap agar sokongan penuh mereka ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang.

Selain daripada itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama kepada MPM, terutama KPM, JPN, PPD, universiti-universiti tempatan, dan pihak-pihak lain atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang tahun 2011.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.



PROF. DATO' DR. MOHD. NOH BIN DALIMIN

Pengerusi/ Chairman

Majlis Peperiksaan Malaysia/ Malaysian Examinations Council

competency of students, MEC will strive to improve its quality of service in the area of educational assessment. MEC will continue to seek the best methods and practices to carry out the tasks entrusted and prepare for future challenges.

APPRECIATION

On the whole, I am very satisfied with the achievements and the success of MEC in the year 2011. I believe the success and achievements would not have been possible without the cooperation and high morale close support, of the staff of MEC and its leaders. I would also like to take this opportunity to express my appreciation and gratitude to all members of the Council for the cooperation and advice given. I would also like to thank all MEC staff for their dedication and continuous efforts to enhance their services up to the present. I hope that they will continue to give their full support in the years to come.

In addition, I would like to express gratitude to all who have given their cooperation to MEC, especially the Ministry of Education, State Education Departments, State District Education Departments, local universities and other parties for their cooperation and support throughout 2011.

Thank you.

Wassalam.

LATAR BELAKANG MPM

Background of MEC

Latar Belakang MPM | Background of MEC

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang ditubuhkan pada 1 Februari 1980 di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia [Akta 225] ialah sebuah badan berkanun yang beroperasi di bawah naungan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Majlis perasmian penubuhan MPM telah disempurnakan oleh Menteri Pelajaran Malaysia pada ketika itu, iaitu Y. B. Dato' Musa bin Hitam pada 22 April 1980. Matlamat penubuhan MPM adalah untuk mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan peperiksaan-peperiksaan itu. Peperiksaan yang diwartakan ialah peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1982 untuk menggantikan peperiksaan Higher School Certificate (HSC) dan Sijil Tinggi Persekolahan (STP) yang dikendalikan oleh University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES).

Selepas pengambilalihan kedua-dua peperiksaan tersebut oleh MPM, nama peperiksaan STP dan HSC telah ditukar kepada peperiksaan STPM. Selain itu, penubuhan MPM juga bertujuan untuk merealisasikan pengendalian peperiksaan tersebut dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya. Hal ini bersesuaian dengan pelaksanaan dasar menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara dari peringkat pendidikan rendah hingga peringkat pendidikan pra universiti, iaitu tingkatan enam.

Di samping itu, pihak UCLES sendiri yang tidak dapat mengendalikan peperiksaan HSC/STP di Malaysia berikutan dengan perubahan dasar penggunaan bahasa pengantar telah menyebabkan perlunya sebuah badan peperiksaan, iaitu MPM, ditubuhkan untuk mengambil alih fungsi UCLES itu. Selepas beberapa siri rundingan dengan KPM, pihak UCLES telah menyerahkan tanggungjawab kepada KPM untuk mengendalikan peperiksaan tersebut sepenuhnya mulai tahun 1982. Selepas 29 tahun berlalu, MPM masih

The Malaysian Examinations Council (MEC), which was established on 1 February 1980 under the Malaysian Examinations Council Act (Act 225), is a statutory body which operates under the aegis of the Ministry of Education. It was officially launched on 22 April 1980 by the then Minister of Education, Dato' Musa bin Hitam. The objectives of the establishment of MEC are to conduct specified examinations and all other matters necessary or related to such examinations. The examinations gazetted are the Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), which was first implemented in 1982 to replace the Higher School Certificate (HSC) and Sijil Tinggi Persekolahan (STP) examinations which were conducted by the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES).

After the takeover of the STP and HSC examinations by MEC, the names of these examinations were changed to STPM. MEC was also established to realise the aim of conducting the examination wholly in the Malay language. This is in line with the implementation of the policy to use Malay language as the medium of instruction in the national education system from the primary level to the pre-university level, namely the sixth form.

In addition, UCLES was not able to conduct the HSC/STP examination in Malaysia following the change in the medium of instruction, thus necessitating the establishment of an examination body, MEC, to take over the functions of UCLES. After a series of negotiations with the Ministry of Education, UCLES handed over the responsibility of conducting the examination to the Ministry of Education with effect from 1982. 29 years have passed and MEC still maintains close relations and co-operation with UCLES in the form of consultancy services for the setting of STPM standards.

mengekalkan hubungan kerjasama dengan UCLES, iaitu dalam bentuk khidmat nasihat bagi penetapan standard STPM.

Keanggotaan Majlis

MPM diurus oleh lembaga pengelola yang disebut “Majlis”. Keahlian Majlis terdiri daripada semua naib cancellor universiti awam tempatan, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengarah Peperiksaan, Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia, dan lima orang ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pengerusi Majlis dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan naib cancellor. Keanggotaan Majlis kini berjumlah 28 orang.

Pada tahun 1980, terdapat lima buah universiti yang naib cancellornya dilantik sebagai ahli Majlis, iaitu Naib Cancellor Universiti Malaya, Y. M. Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid; Naib Cancellor Universiti Sains Malaysia (USM), Y. Bhg. Tan Sri Dato’ Haji Hamdan bin Sheikh Tahir; Naib Cancellor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Y. Bhg. Dato’ Prof. Awang Had bin Salleh; Naib Cancellor Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra

Membership of the Council

MEC is managed by a board of governors called “the Council”. Members of the Council consist of the vice-chancellors of all local public universities, the Secretary-General of the Ministry of Education, the Director-general of Education, the Director of Examinations, the Chief Executive of MEC and five members appointed by the Yang di-Pertuan Agong. The chairman of the Council is appointed by the Yang di-Pertuan Agong from among the vice-chancellors. At present the membership of the Council totals 28.

In 1980, vice-chancellors from five universities were appointed as members of the Council, namely the Vice-Chancellor of Universiti Malaya, Royal Prof. Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid; the Vice Chancellor of Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Dato’ Haji Hamdan bin Sheikh Tahir; the Vice-Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dato’ Prof. Awang Had bin Salleh; the Vice-

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang ditubuhkan pada 1 Februari 1980 di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia [Akta 225] ialah sebuah badan berkanun yang beroperasi di bawah naungan Kementerian Pelajaran Malaysia.

The Malaysian Examinations Council (MEC), which was established on 1 February 1980 under the Malaysian Examinations Council Act (Act 225), is a statutory body which operates under the aegis of the Ministry of Education.



bidang tugas MPM yang pada mulanya hanya mengendalikan peperiksaan STPM telah diperluas

Since its establishment, the MEC's scope of responsibilities has expanded from its initial function of conducting only the STPM examination

Malaysia (UPM), Y. Bhg. Tan Sri Prof. Dr. Mohd Rashdan bin Haji Baba; dan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Y. Bhg. Tan Sri Ainuddin bin Abdul Wahid. Selain naib canselor universiti tempatan, terdapat tiga orang lagi ahli ex-officio yang lain, iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia, Y. Bhg. Dato' Haji Othman bin Abdul Malik; Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Haji Murad bin Mohd. Noor; dan Pengarah Peperiksaan, Encik Omar bin Mohd. Hashim.

Untuk memenuhi kehendak Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan melantik Y. M. Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid, Naib Canselor Universiti Malaya, sebagai Pengerusi Majlis yang pertama pada 1 Februari 1980. Beliau memimpin MPM hingga 27 Februari 1988. Jawatan Pengerusi seterusnya disandang oleh Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr. Nayan bin Ariffin, Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia, sebagai Pengerusi Majlis yang kedua dari 28 Februari 1988 hingga 4 Jun 1994. Pengerusi yang ketiga ialah Y. Bhg. Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (5 Jun 1994 hingga 30 September 1995), Pengerusi yang keempat ialah Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Sham bin Mohd. Sani, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (1 Oktober 1995 hingga 25 Mac 1998), Pengerusi yang kelima ialah Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (26 Mac 1998 hingga 25 Mac 2001), Pengerusi yang keenam ialah Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Anwar bin Ali, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (26 Mac 2001 hingga 31 Mei 2003), Pengerusi yang ketujuh ialah Y. Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Prof. Dr. Abu

Chancellor of Universiti Pertanian Malaysia (now Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Prof. Dr. Mohd Rashdan bin Hj Baba; and the Vice-Chancellor of Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tan Sri Ainuddin bin Abdul Wahid. Apart from the vice-chancellors from local universities, there were three other ex-officio members, i.e. the Secretary-General of the Ministry of Education, Dato' Hj Othman bin Abdul Malik; the Director-General of Education, Tan Sri Dato' Haji Murad bin Mohd Noor; and the Director of Examinations, Encik Omar bin Mohd Hashim.

To fulfil the requirements of the Malaysian Examinations Council Act 1980, the Yang di-Pertuan Agong gave his consent to appoint Royal Prof. Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid, Vice-Chancellor of Universiti Malaya, as the first Chairman of the Council on 1 February 1980. He led MEC until 27 February 1988. The position was later held by Tan Sri Dato' Dr. Nayan bin Ariffin, Vice-Chancellor of Universiti Pertanian Malaysia, from 28 February 1988 until 4 June 1994. The third Chairman was Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad, Vice-Chancellor of Universiti Sains Malaysia (5 June 1994 until 30 September 1995). The fourth Chairman was Prof. Dato' Dr. Mohd Sham bin Mohd Sani, Vice-Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia (1 October 1995 until 25 March 1998). The fifth Chairman was Prof. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim, Vice-Chancellor of Universiti Putra Malaysia (26 March 1998 until 25 March 2001). The sixth Chairman was Prof. Datuk Dr. Anwar bin Ali, Vice-Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia (26 March 2001 until 31 May 2003). The seventh Chairman was Tan Sri Datuk Seri Panglima Prof. Dr. Abu Hassan bin Othman, Vice-Chancellor of Universiti Malaysia Sabah (1 June 2003 until 17 March 2005). The eight Chairman was Prof



Hassan bin Othman, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (1 Jun 2003 hingga 17 Mac 2005), Pengerusi yang kelapan ialah Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (17 Mac 2005 hingga 27 September 2011), dan Pengerusi Majlis yang kesembilan ialah Y. Bhg. Prof. Dato' Mohd. Noh bin Dalimin, Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (mulai 9 Disember 2011).

Urus Setia Majlis

Operasi MPM dilaksanakan oleh Urus Setia Majlis yang bertanggungjawab kepada Majlis. Urus Setia Majlis diketuai oleh Ketua Eksekutif (sebelum tahun 2002 digelar Setiausaha Agung) yang menjadi ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai pentadbir, dan ketua pegawai akademik. Setiausaha Agung MPM yang pertama telah disandang oleh Y. Bhg. Dato' Syed Abu Bakar bin Dato' Syed Ahmad Barakbah dari 1 Ogos 1980 hingga 3 April 1995. Beliau telah digantikan oleh Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohd. Ali sebagai Setiausaha Agung yang kedua dari 12 Jun 1995 hingga 11 Jun 1997. Y. Bhg. Dato' Haji Termuzi bin Hj. Abdul Aziz telah menjadi Setiausaha Agung/Ketua Eksekutif MPM yang ketiga dari 12 Jun 1997 hingga 31 Mac 2005, manakala Tuan Haji Omar bin Abu Bakar menjadi Ketua Eksekutif MPM yang keempat dari 1 April 2005 hingga 19 Disember 2011. Ketua Eksekutif MPM yang kelima (mulai 28 Disember 2011) ialah Puan Maziyan binti Hamzah.

Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak, Vice-Chancellor of Universiti Sains Malaysia (17 March 2005 until 27 September 2011) and the ninth Chairman is Y. Bhg. Prof. Dato' Mohd. Noh bin Dalimin, Vice-Chancellor of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (since 9 December 2011).

Council Secretariat

The operations of MEC are carried out by the Secretariat which is responsible to the Council. The Secretariat is headed by the Chief Executive (prior to 2002, known as the Secretary-General) who is the chief executive, chief administrative and chief academic officer. The first Secretary-General of MEC was Dato' Syed Abu Bakar bin Dato' Syed Ahmad Barakbah from 1 August 1980 until 3 April 1995. He was replaced by Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohd Ali, who held the post from 12 June 1995 until 11 June 1997. Dato' Haji Termuzi bin Haji Abdul Aziz was the third Secretary-General/Chief Executive of MEC from 12 June 1997 until 31 March 2005, while Tuan Haji Omar bin Abu Bakar was the fourth Chief Executive of MEC from 1 April 2005 until 19 December 2011. The fifth Chief Executive of MEC is Mrs Maziyan binti Hamzah (from 28 December 2011).

Premis MPM

Pada tahun 1980, MPM memulakan operasinya di tingkat 9, Bangunan Lembaga Peperiksaan di Jalan Duta. Apabila MPM semakin berkembang, premis MPM berpindah ke Bangunan KUWASA di Jalan Raja Laut pada bulan Disember 1984, dan kemudian berpindah ke Wisma Mirama di Jalan Wisma Putra pada bulan Mei 1995. Hasrat MPM untuk mempunyai bangunan sendiri sejak akhir tahun 1980-an tercapai apabila Bangunan MPM di atas sebidang tanah seluas 2.43 hektar di Bandar Baru Selayang siap dibina pada bulan Mei 1998 dan mula diduduki pada bulan Julai 1998. Bangunan MPM telah disempurnakan perasmianya oleh Y. B. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia, pada 14 September 2004.

Premises of MEC

In 1980, MEC began its operations on the 9th floor of the Examinations Sydicate Building in Jalan Duta. As MEC expanded, it was relocated to the KUWASA Building in Jalan Raja Laut in December 1984, and subsequently to Wisma Mirama in Jalan Wisma Putra in May 1995. The aspiration of MEC since the late 1980s to have its own building was realized when the MEC Building was completed on a 2.43 hectare piece of land in Bandar Baru Selayang in May 1998. Occupancy of the building began in July 1998. It was officially opened by Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Minister of Education, on 14 September 2004.

Ujian psikometri yang diadakan dua kali setahun ini bertujuan untuk menilai sahsiah pelajar dan graduan yang ingin mengikuti program pengajian pendidikan untuk menjadi pendidik.

This psychometric test is held twice a year to assess the personality of students and graduates who wish to pursue educational programmes to become educators.

Fungsi MPM

Sejak MPM ditubuhkan, bidang tugas MPM yang pada mulanya hanya mengendalikan peperiksaan STPM telah diperluas. Pada tahun 1999, MPM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Malaysian University English Test (MUET) yang diadakan dua kali setahun. Ujian ini wajib diduduki oleh semua pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Mulai tahun 2003 pula, MPM telah diamanahkan untuk mengendalikan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi anggota perkhidmatan pelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) sehingga peperiksaan ini dimansuhkan pada

Functions of MEC

Since its establishment, the MEC's scope of responsibilities has expanded from its initial function of conducting only the STPM examination. In 1999, it was tasked with conducting the Malaysian University English Test (MUET) which is held twice a year. This test is compulsory for all students who intend to further their studies in public institutions of higher learning. In 2003, MEC was entrusted to conduct the Competency Level Assessment (PTK) examination for staff of the Ministry of Education under the Malaysian Remuneration System (SSM). This examination was abolished on 1 January 2011. In addition, MEC also conducts the Malaysian Information

1 Januari 2011. Di samping itu, MPM juga telah mengendalikan Malaysian Information Technology Examination (MITPE) bagi pihak Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn. Bhd. (METEOR). Peperiksaan ini membolehkan para graduan dan golongan profesional IT mendapat pengiktirafan dalam kemahiran IT di seluruh dunia. Mulai tahun 2008, MPM mengelolakan ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI) bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Ujian psikometri yang diadakan dua kali setahun ini bertujuan untuk menilai sahsiah pelajar dan graduan yang ingin mengikuti program pengajian pendidikan untuk menjadi pendidik. Mulai tahun 2009 pula, MPM mengelolakan ujian Malaysian University Selection Yearly Inventory (MUnSYI) bagi pihak Universiti Sains Malaysia. Pada tahun 2010, MPM telah menandatangani memorandum perjanjian dengan Malaysian Financial Planning Council (MFPC) untuk mengendalikan peperiksaan bagi pihaknya, iaitu Shariah Registered Financial Planner (Shariah RFP), Shariah Registered Financial Planner Capstone, dan Shariah Registered Financial Planner Adhoc PNBi (Shariah RFP Adhoc PNBi). Aktiviti yang dilaksanakan oleh MPM dalam mengendalikan peperiksaan adalah seperti yang berikut:

- Menyediakan peraturan dan skema peperiksaan
- Mengkaji, mengemaskinikan, dan menggubal sukatan pelajaran peperiksaan
- Menggubal dan menyediakan kertas soalan dan bahan peperiksaan
- Menyelaraskan pendaftaran calon peperiksaan
- Menyelaraskan pengendalian peperiksaan dan pemarkahan skrip jawapan calon
- Memproses dan menyemak keputusan peperiksaan
- Menetapkan standard kertas dan mata pelajaran serta menganugerahkan keputusan peperiksaan
- Mentafahus rayuan calon tentang keputusan peperiksaan

Technology Professional Examination (MITPE) on behalf of Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn Bhd (METEOR). This examination enables IT graduates and professionals to secure worldwide recognition in the field of IT. From 2008, the MEC conducted the Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI) test for the Ministry of Higher Education. This psychometric test is held twice a year to assess the personality of students and graduates who wish to pursue educational programmes to become educators. From 2009, the MEC conducted the Malaysian University Selection Yearly Inventory (MUnSYI) test on behalf of Universiti Sains Malaysia. In 2010, MEC signed a Memorandum of Understanding with the Malaysian Financial Planning Council (MFPC) to conduct Shariah Registered Financial Planner (Shariah RFP), Shariah Registered Financial Planner Capstone (Shariah RFP Capstone), and Shariah Registered Financial Planner Ad-hoc PNBi (Shariah RFP Adhoc PNBi) examinations. The activities carried out by MEC in conducting examinations are as follows:

- Preparing regulations and examinations schemes
- Studying, revising and designing examination syllabuses
- Setting and preparing question papers and examination materials
- Coordinating the registration of examination candidates
- Coordinating the administration of examinations and the marking of candidates' answer scripts
- Processing and checking examination results
- Setting standards for papers and subjects and awarding examination results
- Reviewing candidates' enquiries of examination results

- Melatih kakitangan Urus Setia dan penjawat yang dilantik oleh MPM
- Mengkaji dan menyelidik perilaku calon dan hal-hal lain yang berkaitan dengan peperiksaan
- Training the staff of the Secretariat and officers appointed by MEC
- Studying and researching the behaviour of candidates and other matters related to examinations

Pengiktirafan

Untuk memastikan supaya perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggannya berkualiti, MPM telah memperoleh Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9001:1994 Perkhidmatan Awam Malaysia pada 31 Disember 2000 dan Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9001:2000 bagi peperiksaan STPM pada 3 Mac 2005 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Skop pendaftaran sistem kualiti ini ialah pengurusan dan pentadbiran peperiksaan STPM yang merangkumi pembinaan, pencetakan, dan pengedaran kertas soalan.

Untuk melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang lebih menyeluruh di MPM, skop pendaftarannya telah diperluas. MPM telah menyediakan dua prosedur kualiti yang berasingan bagi peperiksaan STPM dan MUET. Skop yang diperluas bagi prosedur kualiti peperiksaan STPM meliputi penggubalan sukatan pelajaran, pembinaan, pencetakan, dan pengedaran kertas soalan, penyediaan peraturan dan skema peperiksaan, pendaftaran calon, pembekalan alat tulis, pentadbiran peperiksaan, pemeriksaan skrip jawapan, pemprosesan markah, penetapan standard, pengeluaran keputusan, dan pengeluaran sijil. Skop bagi prosedur kualiti MUET pula meliputi penggubalan spesifikasi ujian, pembinaan, pencetakan, dan pengedaran kertas soalan, pendaftaran calon, pembekalan alat tulis, pentadbiran ujian, pemeriksaan skrip jawapan, pemprosesan markah, pengesahan keputusan, dan pengeluaran slip keputusan. Sistem pengurusan kualiti yang diperluas bagi peperiksaan STPM dan MUET ini mula dilaksanakan pada 11 September 2007. MPM telah memperoleh Sijil Pendaftaran Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 bagi

Recognition

To ensure the services offered to its clients are of quality, MEC obtained the Malaysian Civil Service MS ISO 9001:1994 Quality System Registration Certificate on 31 December 2000 and the MS ISO 9001:2000 Quality System Registration Certificate for the STPM examination on 3 March 2005 from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. The scope of registration of this quality system is the management and administration of the STPM Examination which encompasses the design, printing and distribution of question papers.

In order to implement a more comprehensive quality management system in MEC, its scope of registration has been expanded. MEC has prepared two separate quality procedures for the STPM examination and MUET. The expanded scope covers examination syllabuses design, the construction, printing and distribution of question papers, the preparation of regulations and examination schemes, registration of candidates, supply of stationery, administration of examination, marking of answer scripts, processing of marks, setting of standards, release of results and issue of certificates. The scope for the MUET quality procedure encompasses the formulation of test specifications, the construction, printing and distribution of question papers, registration of candidates, supply of stationery, administration of the test, marking of answer scripts, processing of marks, confirmation of results and the release of result slips. The expanded quality management system for the STPM examination and MUET was implemented on 11 September 2007. MEC received the ISO 9001:2000 Quality Management System Registration Certificate for the enhanced scope

peluasan skop peperiksaan STPM (nombor sijil AR3576) pada 16 Disember 2008 dan Sijil Pendaftaran Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 bagi MUET (nombor sijil AR4761) daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan The International Certification Network (IQNet) pada 9 Oktober 2009.

MPM sememangnya sentiasa berusaha untuk menaikkan taraf sistem pengurusan kualitinya agar relevan dengan kehendak semasa. Pada tahun 2009, MPM telah memperoleh pensijilan baharu Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 bagi pengurusan MUET daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan the International Certification Network (IQNet) (nombor sijil AR4761) pada 9 Oktober 2009 dan sijil ini sah hingga 11 Disember 2011.

Pada tahun 2010 pula, MPM telah memperoleh pensijilan baharu Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 bagi pengurusan STPM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan the International Certification Network (IQNet) (nombor sijil AR3576) pada 6 Julai 2010 dan sijil ini sah hingga 2 Mac 2011. Di samping itu, MPM telah memperoleh Sijil Pendaftaran Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 bagi peperiksaan PTK (nombor sijil AR5312) daripada organisasi yang sama pada 26 November 2010.

of the STPM examination (certificate number AR3576) on 16 December 2008 and the ISO 9001:2008 Quality Management System Registration Certificate for MUET (certificate number AR4761) from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) on 9 October 2009.

MEC continuously strives to upgrade the quality of its management system to be relevant to current needs. In 2009, MEC obtained a new certification, ISO 9001:2008 Quality Management System Registration certificate for the administration of MUET (certificate number AR4761) from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) on 9 October 2009 and this certificate is valid until 11 December 2011.

In 2010, MEC received yet another new certification for the management of STPM, ISO 9001:2008 Quality Management System (certificate number AR3576) from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) on 6 July 2010 and this certificate is valid until 2 March 2011. Besides that, MEC also received the ISO 9001:2008 Quality Management System Registration Certificate for the PTK examination (certificate number AR5312) from the same organization on 26 November 2010.

MPM sememangnya sentiasa berusaha untuk menaikkan taraf sistem pengurusan kualitinya agar relevan dengan kehendak semasa.

MEC continuously strives to upgrade the quality of its management system to be relevant to current needs.



Pada tahun 2011 pula, MPM telah menggabungkan Sistem Pengurusan Kualiti ISO STPM dengan Sistem Pengurusan Kualiti ISO MUET. MPM telah memperoleh pensijilan baharu gabungan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 bagi pengurusan STPM dan MUET daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan "The International Certification Network" (IQNet) (nombor sijil AR4761) pada 1 Ogos 2011 dan sijil ini sah hingga 31 Julai 2014.

Pemantapan Sistem Pengurusan Maklumat

Dalam usaha memantapkan pengendalian peperiksaan STPM dan peperiksaan-peperiksaan yang lain, MPM telah menggantikan sistem komputer *mainframe* yang digunakan sejak tahun 1986 dengan sistem *client server* pada tahun 1994. Sistem ini menggunakan sistem pengurusan pangkalan data yang lebih cekap. Pada tahun 1995, MPM menyediakan kemudahan Internet dan emel untuk meningkatkan lagi kecekapan komunikasi antara kakitangan dan antara MPM dengan Jabatan Pelajaran Negeri.

Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan, semakan maklumat pendaftaran dan maklumat keputusan peperiksaan melalui sistem mesej singkat (SMS) telah diperkenalkan pada tahun 2005 dan secara dalam talian pada tahun 2006. Selain itu, keupayaan perkakasan komputer juga ditingkatkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Sistem pendaftaran dan sistem pemprosesan keputusan peperiksaan diperkemas juga dari semasa ke semasa untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

In 2011, MEC combined the STPM ISO Quality Management System and MUET ISO Quality Management System. MEC received the ISO 9001:2008 Quality Management System Registration certificate for the administration of both STPM and MUET from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) (certificate number AR4761) on 1 August 2011 and this certificate is valid until 31 July 2014.

Enhancement of the Information Management System

In efforts to improve the administration of the STPM examination and other examinations, MEC replaced the mainframe computer system used since 1986 with a client server system in 1994. This system uses a more efficient database management system. In 1995, MEC provided Internet and email access to enhance communication among its staff and between MEC and the State Education Departments.

In order to enhance its quality of service to clients, the checking of registration details and examination results via short messaging system (SMS) was introduced in 2005 and via online in 2006 respectively. In addition, the computer hardware was also upgraded from time to time to meet requirements. The systems for the registration and processing of results were also upgraded from time to time in order to provide excellent services to clients.

Bagi mengekalkan persaingan dalam dunia digital masa kini, MPM telah mula membangunkan satu sistem ICT bersepadu yang dinamakan MPM e-Service Platform (MeSP). Dalam MeSP, semua proses kerja yang melibatkan pelanggan dan penjawat MPM telah ditambah baik dan capaian oleh pengguna dalaman dan luaran dimudahkan. MeSP juga dijangka akan dapat menambahkan lagi kualiti dari segi penghantaran barangan dan perkhidmatan kepada pelanggan. Semua modul yang dicadangkan untuk dibangunkan akan mula beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun 2013.

To sustain competition in this digital era, MEC has begun setting up an ICT system named MEC e-Service Platform (MeSP). In MeSP, all processes which involve customers and MEC staff are upgraded. Access by internal and external users is also simplified. MeSP is expected to improve the quality of parcel delivery of materials and customer service. All proposed modules will start operations fully in mid 2013.



The background is a solid teal color. A white geometric line design is present, consisting of a vertical line on the right side and a horizontal line that intersects it, with a small square notch at the intersection point.

MAKLUMAT KORPORAT

Corporate Information



CERTIFICATE

IQNet and SIRIM QAS International hereby certify that

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
BANGUNAN MPM, PERSIARAN 1
BANDAR BARU SELAYANG
68100 BATU CAVES
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

has implemented and maintains a

QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

which fulfils the requirements of the following standard

ISO 9001 : 2008

for the following activities

- 1) DESIGN AND DEVELOPMENT OF CURRICULUMS OF SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) AND MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET);
- d. memperakukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan memaklumkan kepada Majlis pewujudan jawatan-jawatan baru;
- e. menentukan dasar dan peraturan mengenai pengambilan atau pelantikan penasihat pakar luar sama ada penggunaan pakar teknik atau profesional untuk apa-apa urusan yang ada hubung kaitnya dengan tugas Majlis Peperiksaan Malaysia;
- f. mengawal secara am pelaksanaan kerja Majlis Peperiksaan Malaysia supaya berjalan sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis dan mengesahkan perubahan yang perlu bagi memperbaiki lagi perjalanan rancangan dengan berkesan;
- g. mengkaji dan meluluskan sistem peperiksaan dan perkhidmatan dalam jabatan yang disediakan oleh Urus Setia; dan
- h. menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasa lain yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

ii. Management

- a. to study and recommend to the Council, plans or physical development projects of the Malaysian Examinations Council;
- b. to formulate and recommend to the Council, policies, strategies and schemes in relation to staff development including the revamp of organisational structure, divisions' or units' functions, and other such matters;
- c. to approve on behalf of the Council, terms of service, responsibilities and duties associated with posts which shall be created from time to time;
- d. to recommend to the Public Service Department and to inform the Council of the availability of new posts;
- e. to determine policies and regulations related to recruitment or appointment of external consultants, be it the use of technical experts or professionals for any matters related to the duties of the Malaysian Examinations Council;
- f. to generally govern work implementation of the Malaysian Examinations Council so that it is carried out as decided by the Council and confirm the necessary changes to enhance effective implementation of plans;
- g. to study and endorse the examination system and the services in the departments created by the Secretariat; and
- h. to carry out duties and other powers given by the Council from time to time.

Jawatankuasa Tender

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah:

- i. menimbangkan dan meluluskan tender kerja/ bekalan/ perkhidmatan yang tidak lebih daripada satu ratus juta ringgit (RM100 juta);
- ii. menimbangkan dan meluluskan tender terhad (kerja/bekalan/perkhidmatan) daripada pembekal yang dikenal pasti bagi barang-barang tertentu dan diperlukan segera yang nilainya tidak lebih daripada 10 juta ringgit (RM10 juta);
- iii. menimbangkan dan meluluskan pembelian yang dibuat daripada pembekal tunggal yang telah mendapat keizinan daripada Kementerian Kewangan; dan
- iv. bertanggungjawab mempertimbang dan menyetujui terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar, dan peraturan Kerajaan.

Jawatankuasa Naik Pangkat

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah

- i. meluluskan dan memaklumkan kepada Majlis pencalonan oleh Urus Setia tentang kenaikan pangkat kakitangan Urus Setia; dan
- ii. menimbangkan dan meluluskan pencalonan oleh Urus Setia tentang pemangkatan dan tanggung kerja kakitangan Urus Setia.

Jawatankuasa Tatatertib

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya adalah seperti yang termaktub dalam BAHAGIAN II JADUAL KETIGA AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000, AKTA 605. Jawatankuasa ini dibahagikan kepada dua, iaitu Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib.

Tender Committee

The committee meets when there is a requirement. Its main functions are:

- i. to deliberate over and award work tender/ supplies/services which do not exceed more than one hundred million ringgit (RM100 million);
- ii. to deliberate over and award limited tenders(work/supplies/services) from identified suppliers for certain goods that are urgently required at an amount not more than 10 million ringgit (RM10 million);
- iii. to deliberate over and authorize procurement from single suppliers with the consent of the Ministry of Finance ; and
- iv. to responsibly deliberate over and accept tenders based on principles, policies, and Government regulations.

Promotion Committee

The committee meets when there is a requirement. Its main functions are

- i. to approve and inform the Council of the Secretariat's nomination of the promotion of Secretariat staff; and
- ii. to deliberate over and approve nominations by the Secretariat of Secretariat staff who act on behalf of other Secretariat staff.

Disciplinary Committee

The committee meets when there is a need. Its main function is as stated in PART II THIRD TABLE OF THE 2000 STATUTORY BODIES (DISCIPLINE AND SURCHARGE), ACT 605. This Committee is divided into two, the Disciplinary Committee and Disciplinary Appeals Committee.

a. Jawatankuasa Tatatertib

Jawatankuasa Tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis, manakala bagi Kumpulan Sokongan dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif.

Jawatankuasa Tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis, manakala bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif, bagi Kumpulan Sokongan pula dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif 2.

b. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dipengerusikan Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia, manakala bagi Kumpulan Sokongan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia, manakala bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia, bagi Kumpulan Sokongan pula dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif.

a. The Disciplinary Committee

The Disciplinary Committee, with the aim of dismissal or demotion of the Chief Executive, Deputy Chief Executive, Senior Management Group and Management and Professional Group, is chaired by the Chairman of the Council, while for the Support Group, it is chaired by the Chief Executive.

The Disciplinary Committee, not with the aim of the dismissal or demotion of the Chief Executive, Deputy Chief Executive and Senior Management Group is chaired by the Chairman of the Council, while for the Management and Professional Group, it is chaired by the Chief Executive. For the Support Group, it is chaired by the Deputy Chief Executive 2.

b. The Disciplinary Appeals Committee

The Disciplinary Appeals Committee, with the aim of dismissal or demotion of the Chief Executive, Deputy Chief Executive, Senior Management Group and the Management and Professional Group is chaired by the Honourable Minister of Education, while for the Support Group, it is chaired by the Secretary General of the Ministry of Education.

The Disciplinary Appeals Committee, not with the aim of the dismissal or demotion of the Chief Executive, Deputy Chief Executive and Senior Management Group is chaired by the Minister of Education while for the Management and Professional Group, it is chaired by the Secretary General of the Ministry of Education, and for the Support Group, it is chaired by the Chief Executive.

Jawatankuasa Pengambilan Kakitangan

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah memilih dan memperakukan kepada Majlis untuk kelulusan kakitangan baharu bagi semua kumpulan perkhidmatan.

Jawatankuasa Pensijilan

Jawatankuasa ini bersidang sekali setahun. Fungsi utamanya ialah

- i. menetapkan standard sesuatu kertas dan mata pelajaran; dan
- ii. menganugerahkan gred kertas dan gred mata pelajaran.

Jawatankuasa Siasatan

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan oleh Majlis dan mengikut peraturan seperti yang diperuntukkan dalam Kaedah 10 Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, kaedah-kaedah Majlis Peperiksaan Malaysia (Tatacara Dalam Kes Salah Laku) 1986 bagi calon peperiksaan yang disyaki melakukan salah laku dalam peperiksaan.

Jawatankuasa Sukatan Pelajaran

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah menggubal sukatan pelajaran dan contoh kertas soalan, dan memperakukan kepada Majlis untuk kelulusan.

Staff Recruitment Committee

The committee meets when there is a need. Its main function is to select and recommend to the Council the approval of new staff for all service categories.

Certification Committee

The committee meets once a year. Its main functions are

- i. to set standards for a particular paper and subject; and
- ii. to award the paper grade and subject grade.

Malpractice Committee

The committee meets when there is a need. Its main functions are to carry out the duties and responsibilities assigned by the Council in accordance with the rules as stated in Procedure 10 of the Malaysian Examinations Council Act 1980, the procedure of the Malaysian Examinations Council (Procedure in Malpractice Cases) 1986 for the candidates suspected of malpractice in examinations.

Syllabus Committee

The committee meets when there is a need. Its main functions are to formulate syllabuses and specimen question papers and recommend to the Council for approval.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun. Fungsi utamanya ialah:

- i. mengkaji keperluan Unit Audit Dalam termasuk piagamnya;
- ii. mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan dari dalam;
- iii. mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan, serta penyelarasan antara Juruaudit Dalam dan Luar;
- iv. mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Luar dan memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Majlis;
- v. mengkaji dan menasihati Majlis berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan;
- vi. mengkaji dan menasihati Majlis berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif tentang aktiviti yang tertakluk kepada laporan pengauditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis;
- vii. mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Majlis serta tatakelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertelingkahan yang berlaku dalam Majlis Peperiksaan Malaysia;
- viii. memastikan bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa;
- ix. melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa; dan
- x. melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan sebarang penyelewengan untuk tindakan yang sesuai.

Audit Committee

The committee meets at least twice a year. Its main functions are:

- i. to study the requirements of the Internal Audit Unit, including its charter;
- ii. to study the effectiveness and capability of the control system internally;
- iii. to study the plan of audit activities by the Internal Audit Unit, including the scope of work, schedules, membership, and coordination between Internal and External Auditors;
- iv. to study reports from the Internal and External Auditors and to recommend the required follow-up action to the Council;
- v. to study and advise the Council in relation to financial statements, prospectuses and other finance reports produced;
- vi. to study and advise the Council on performance through quantitative information about activities which are subject to audit reports and on other matters involving responsibilities as decided by the Council;
- vii. to detect the compliance of rules established by the Council and the conduct of officers/staff and to take the initiative to investigate any disputes which occur in the Malaysian Examinations Council;
- viii. to ensure that the Malaysian Examinations Council constantly modifies work practices in accordance with professional changes which occur in the accounting field such as declarations by the Malaysian Institute of Accountants and the International Accounting Standards Committee;
- ix. to perform the functions set down by the Council from time to time; and
- x. to report to the management on staff who are found guilty of any fraud, for appropriate action.

Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa ini bersidang dua kali setahun atau jika ada keperluan. Fungsi utamanya ialah:

- i. membuat cadangan strategi pelaburan berdasarkan dasar pelaburan yang diluluskan oleh Majlis;
- ii. membuat keputusan pelaburan setakat wang dana yang diluluskan oleh Majlis bagi tujuan pelaburan;
- iii. mengawal pelaksanaan kerja pelaburan supaya berjalan sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pelaburan;
- iv. membantu meningkatkan nilai modal pelaburan dalam jangka masa pendek dan panjang;
- v. menasihati Majlis tentang perkembangan atau perubahan dalam keadaan ekonomi dan perniagaan yang akan mempengaruhi prestasi pelaburan; dan
- vi. menimbangkan dan mengkaji laporan mengenai kedudukan pelaburan dari semasa ke semasa dan memaklukkannya kepada Majlis.

Urus Setia

Untuk menjamin dasar-dasar yang diputuskan oleh sepuluh jawatankuasa tersebut, urus setia yang diketuai oleh Ketua Eksekutif dengan kekuatan 168 orang kakitangan telah memberikan komitmen yang tinggi bagi melaksanakannya. Urus Setia telah mengatur strategi agar semua tugas dilaksanakan mengikut piawaian, prosedur, kualiti, integriti, dan keberhasilan yang telah ditentukan. Untuk itu, Urus Setia telah melaksanakan ISO 9001:2008, kerjasama dengan badan peperiksaan luar, amalan budaya korporat, audit dalaman, dan audit luaran. Status pelaksanaan akan dilaporkan kepada jawatankuasa yang berkenaan untuk mendapatkan pandangan sekiranya perlu.

Investment Committee

The committee meets twice a year, or if there is a need. Its main functions are:

- i. to make recommendations on investment strategies based on investment policies approved by the Council;
- ii. to make decisions on investment subjected to funds approved by the Council for investment purposes;
- iii. to control the implementation of investment in accordance with the decisions of the Investment Committee;
- iv. to assist in increasing the value of investment capital in the short and long term;
- v. to advise the Council on any developments or changes in economic and business conditions which will affect investment performance; and
- vi. to consider and study reports on the investment's status from time to time and to keep the Council updated.

Secretariat

The Secretariat, headed by the Chief Executive and 168 staff, has implemented with full commitment, the policies laid down by the ten committees. The Secretariat had strategised to ensure that all duties performed are in accordance with standards, procedures, quality, integrity and results expected. For this, the Secretariat has implemented the ISO 9001:2008, cooperated with external examination bodies, practiced corporate culture and conducted internal and external audit. The status of implementation will be reported to the relevant committees for their views if necessary.

ISO 9001:2008

Ketua Eksekutif telah mengarahkan kerja-kerja harian yang dilaksanakan oleh kakitangan MPM didokumenkan. Ini bertujuan untuk menjamin mutu dan hasil kerja dilaksanakan mengikut piawaian oleh kesemua kakitangannya.

Urus Setia telah memperoleh Sijil Pendaftaran Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 bagi pengurusan peperiksaan STPM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan the International Certification Network (IQNet) (nombor sijil AR3576) pada 16 Disember 2008 dan sijil ini sah hingga 14 November 2010. MPM juga telah memperoleh Sijil Pendaftaran Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 bagi pengurusan MUET daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan the International Certification Network (IQNet) (nombor sijil AR4761) pada 13 Disember 2008 dan sah hingga 14 November 2010.

Urus Setia sememangnya sentiasa berusaha untuk menaikkan taraf sistem pengurusan kualitinya agar relevan dengan kehendak semasa. Pada tahun 2009, MPM telah memperoleh pensijilan baharu Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 bagi pengurusan MUET daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan the International Certification Network (IQNet) (nombor sijil AR4761) pada 9 Oktober 2009 dan sijil ini sah hingga 11 Disember 2011.

Bagi peringkat seterusnya, Urus Setia telah mengemaskinikan semua prosedur sistem pengurusan kualiti STPM mengikut kehendak ISO 9001:2008 dan audit pemantauan (*surveillance audit*) sistem pengurusan kualiti bagi pengurusan peperiksaan STPM telah dijalankan pada 24 dan 25 Mei 2010 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. MPM telah memperoleh pensijilan baharu Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 bagi pengurusan STPM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan the International Certification Network (IQNet) (nombor sijil AR3576) pada 6 Julai 2010 dan sijil ini sah hingga 2 Mac 2011.

ISO 9001:2008

The Chief Executive directed that the daily work performed by MEC staff was to be documented. This is to ensure that the quality and the work implemented are in accordance with the standards set for all staff.

The Secretariat obtained the ISO 9001:2000 Quality Management System Certificate for the management of the STPM examination from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) (certificate number AR3576) on December 16, 2008. This certificate was valid until 14 November 2010. MEC had also obtained a Certificate of Registration ISO 9001:2000 Quality Management System, for the management of MUET from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) (certificate number AR4761) on 13 December 2008, which was valid until 14 November 2010.

The Secretariat constantly strives to upgrade its quality management system to be relevant with current needs. In 2009 MEC obtained a new certification, ISO 9001:2008 Quality Management System for the management of MUET from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) (certificate number AR4761) on 9 October 2009, and the certificate is valid until 11 December 2011.

For the next stage, the Secretariat has updated all procedures for the STPM quality management system in accordance with the requirements of ISO 9001:2008 and the surveillance audit quality management system for the management of the STPM examination. The surveillance audit was conducted on 24 and 25 May 2010 by SIRIM QAS International Sdn. Bhd. MEC was awarded a new certification, ISO 9001:2008 Quality Management System for the management of STPM from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) (certificate number AR3576) on 6 July 2010, and the certificate is valid until 2 March 2011.

Bagi memperluas tadbir urus yang baik, MPM telah melaksanakan sistem pengurusan kualiti untuk peperiksaan PTK mulai 2 November 2009. Audit Peringkat Pertama (*First Stage Audit*) sistem pengurusan kualiti bagi pengurusan peperiksaan PTK telah dijalankan pada 24 dan 25 Mei 2010, manakala Audit Peringkat Kedua (*Second Stage Audit*) telah dijalankan pada 10 dan 11 Ogos 2010 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. MPM telah memperoleh Sijil Pendaftaran Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 bagi peperiksaan PTK (nombor sijil AR5312) daripada organisasi yang sama pada 26 November 2010.

Pada tahun 2011 pula, MPM telah menggabungkan Sistem Pengurusan Kualiti ISO STPM dengan Sistem Pengurusan Kualiti ISO MUET. MPM telah memperoleh pensijilan baharu gabungan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 bagi pengurusan STPM dan MUET daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan "The International Certification Network" (IQNet) (nombor sijil AR4761) pada 1 Ogos 2011 dan sijil ini sah hingga 31 Julai 2014.

Untuk menjamin ketekalan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ini, Ketua Eksekutif akan sentiasa berusaha secara berterusan untuk penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti MPM yang meliputi proses penggubalan sukatan pelajaran, pembinaan kertas soalan, pencetakan kertas soalan, pengedaran kertas soalan, penyediaan peraturan dan skema peperiksaan, pendaftaran calon, pentadbiran peperiksaan, pemeriksaan skrip jawapan, pemprosesan markah, penetapan standard, pengeluaran keputusan, dan pengeluaran sijil STPM, berasaskan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008. Antara tindakan yang diambil termasuklah:

- a. memastikan semua pegawai dan kakitangan MPM memahami dan menghayati peri pentingnya kehendak pelanggan dan peraturan tentang pengendalian peperiksaan STPM sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225] pindaan 2006;

To expand its good governance, MEC had implemented a quality management system for the PTK examination starting from 2 November 2009. The First Stage Audit of the quality management system for the management of the PTK examination was conducted on 24 and 25 May 2010, while the Second Stage Audit was conducted on 10 and 11 August 2010 by SIRIM QAS International Sdn. Bhd. MEC obtained the Certificate of Registration ISO 9001:2008 Quality Management System for the PTK examination (certificate number AR5312) from the same organisation on 26 November 2010.

In the year 2011, the MEC has combined the STPM Quality Management System with the MUET Quality Management System. MEC was awarded a new certification, ISO 9001:2008 Quality Management System for the management of STPM and MUET from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) (certificate number AR4761) on 1 August 2011, and the certificate is valid until 31 July 2014.

To ensure consistency in the implementation of the Quality Management System, the Chief Executive will continuously strive to improve MEC's Quality Management System which covers the formulation of syllabuses, setting of question papers, printing of question papers, question paper distribution, preparation of regulations and examination schemes, registration of candidates, administration of examinations, marking of answer scripts, processing of marks, setting of standards, issuing of results and the release of STPM certificates, based on the ISO 9001:2008 Quality Management System. Among the steps taken include:

- a. to ensure that all MEC's officers and staff comprehend and appreciate the importance of customer requirements and the rules related to the administration of the STPM examination as prescribed in the Malaysian Examinations Council Act 1980 [Act 225] amendment 2006;

- b. mewujudkan dan meluluskan Dasar dan Objektif Kualiti MPM (Manual Kualiti Klausu 5.3 dan 5.4), dan memastikan bahawa pegawai dan kakitangan MPM sentiasa memahami Dasar dan Objektif Kualiti MPM;
- c. mengadakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan sekurang-kurangnya satu kali dalam 12 bulan; dan
- d. memastikan sumber yang diperlukan untuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MPM disediakan dan penambahbaikan yang berterusan dilakukan.

KERJASAMA DENGAN BADAN PEPERIKSAAN LUAR DAN KAWALAN STANDARD

Bagi mengekalkan standard STPM pada tahap prauniversiti, Urus setia bekerjasama dengan semua universiti awam tempatan dalam bidang penggubalan sukatan pelajaran, pembinaan kertas soalan, pemeriksaan skrip jawapan, dan penetapan standard bagi peperiksaan STPM.

Bagi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa, MPM bekerjasama dengan University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES) dalam bentuk bantuan kepakaran bagi penetapan standard STPM. Dalam urusan penetapan standard ini, pihak UCLES menghantar wakilnya dalam mesyuarat jawatankuasa untuk menetapkan standard peperiksaan STPM. Di samping itu, Urus Setia juga menganggotai International Association of Educational Assessment (IAEA) untuk membolehkan MPM mengikuti perkembangan terkini dalam aspek pembangunan sukatan pelajaran serta penilaian dan pengukuran pendidikan.

AMALAN BUDAYA KORPORAT

Urus setia juga mengamalkan budaya korporat untuk meningkatkan keberkesanaan tadbir urusny. Bagi tujuan ini, Urus setia telah mengadakan mesyuarat yang berikut:

- b. to establish and approve MEC's Policy and Objective Quality (Manual Quality Clause 5.3 and 5.4), and to ensure that MEC's officers and staff constantly comprehend MEC's Policy and Objective Quality;
- c. to carry out the Management Review Meeting at least once in every 12 months; and
- d. to ensure that the resources required for the implementation of the Quality Management System are prepared and continuous improvements are carried out.

COOPERATION WITH EXTERNAL EXAMINATION BODIES AND STANDARDS CONTROL

To maintain the pre-university standard of STPM, the Secretariat cooperates with all local public universities in the formulation of syllabuses, question papers, marking of answer scripts and setting of standards for the STPM examination.

To obtain international recognition, MEC cooperates with the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES) in the form of expertise assistance to set the standards of STPM. In the course of setting standards, UCLES sends its representative to the committee meeting to set the standard of the STPM examination. In addition, the Secretariat is also a member of the International Association of Educational Assessment (IAEA) to enable MEC to be updated on the latest developments in terms of syllabus design as well as, assessment and educational measurement.

PRACTICE OF CORPORATE CULTURE

The Secretariat also practices corporate culture to enhance the effectiveness of its governance. For this purpose, the Secretariat holds the following meetings:

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) yang diadakan tiga kali setahun;
- b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) yang diadakan empat kali setahun;
- c. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat (JPICT) yang diadakan dua kali setahun;
- d. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JPAK) yang diadakan empat kali setahun; dan
- e. Mesyuarat Pengurusan yang diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan.

AUDIT DALAM

Urus setia juga menjalankan audit dalaman sekurang-kurangnya sekali setahun. Tujuan auditan adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti supaya memenuhi perkara-perkara yang berikut:

- a. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti adalah selaras dengan perancangan kualiti dan objektif kualiti MPM.
- b. Sistem Pengurusan Kualiti dilaksanakan dan disenggara dengan berkesan.
- c. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti adalah selaras dengan kehendak ISO 9001:2008.
- d. Kelemahan dalam Sistem Pengurusan Kualiti termasuk masalah potensi (potential problem) dan proses dapat dikesan.
- e. Penemuan audit terdahulu diambil tindakan pembetulan yang berkesan.
- f. Ruang untuk penambahbaikan yang berterusan dan meningkatkan keberkesanan proses utama dapat dikenal pasti.

Audit Dalaman dijalankan mengikut jadual yang dirancang oleh Juruaudit Dalam, dan laporan audit dalaman dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

- a. The Corporate Governance Committee Meeting Integrity of the Governance Committee Meeting which is held three times a year;
- b. The Financial Management and Accounts Committee Meeting which is held four times a year;
- c. The Information Technology Steering Committee Meeting which is held three times a year;
- d. The Government Moveable Asset Management Committee Meeting which is held four times a year; and
- e. The Management Meeting which is held at least once a month.

INTERNAL AUDIT

The Secretariat also conducts an internal audit at least once a year. The purpose of the audit is to assess the effectiveness of the implementation of the Quality Management System to fulfill the following matters:

- a. The implementation of the Quality Management System is consistent with MEC's quality plan and objective.
- b. The Quality Management System is implemented and sustained effectively.
- c. The implementation of the Quality Management System is in accordance with the requirements of MS ISO 9001:2008.
- d. The weaknesses of the Quality Management System, including potential problems and processes can be detected.
- e. The findings of the previous audit must be followed up by effective corrective action.
- f. The opportunity for continuous improvement and enhancement of the effectiveness of key processes can be identified.

Internal audits were conducted in accordance with a planned schedule by the Internal Auditor, and an internal audit report was tabled at the Audit Committee meeting and the Management Review meeting.

AUDIT LUAR

Majlis Peperiksaan Malaysia telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit luar terhadap pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 di Majlis Peperiksaan Malaysia. Proses audit luar bermula dengan pelaksanaan audit dokumen terhadap empat peringkat dokumen, iaitu manual kualiti, prosedur kerja, arahan kerja, dan rekod. Seterusnya, bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti, satu audit pematuhan dilaksanakan setelah sekurang-kurangnya satu audit kualiti dalaman dan satu mesyuarat kaji semula pengurusan dijalankan selepas pelaksanaan audit dokumen. Persijilan ISO 9001:2008 telah dianugerahkan selepas Majlis Peperiksaan Malaysia berjaya mematuhi standard ISO yang ditetapkan dan lulus dalam audit pematuhan yang dijalankan.

EXTERNAL AUDIT

The Malaysian Examinations Council appointed SIRIM QAS International Sdn. Bhd. to carry out external audits on the implementation of the ISO 9001:2008 Quality Management System in the Malaysian Examinations Council. The external audit process began with the implementation of the audit of documents on the four stages of documents, which are the manual quality, work procedures, work instructions and records. Subsequently to ensure the effectiveness of the implementation of the quality management system, a compliance audit was conducted after at least one internal quality audit and a management review meeting was conducted after the implementation of the audit of documents. The ISO 9001:2008 certification will be awarded after the Malaysian Examinations Council succeeds in complying with ISO standards and passed the compliance audit conducted.

The background is a solid teal color. A white L-shaped line graphic is positioned in the upper right quadrant, starting from the top edge and extending horizontally to the right, then turning 90 degrees and extending vertically downwards. The text is placed to the right of the vertical segment of this line.

JAMINAN KUALITI

Quality Assurance

SISTEM PENGURUSAN KUALITI MPM

Pada tahun 2011, MPM telah menggabungkan Sistem Pengurusan Kualiti ISO STPM dengan Sistem Pengurusan Kualiti ISO MUET. Audit pensijilan semula (*reassessment audit*) sistem pengurusan kualiti bagi pengurusan peperiksaan STPM dan MUET telah dijalankan pada 9 hingga 11 Mei 2011 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

MPM telah memperoleh pensijilan baharu gabungan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 bagi pengurusan STPM dan MUET daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan the International Certification Network (IQNet) (nombor sijil AR4761) pada 1 Ogos 2011 dan sijil ini sah hingga 31 Julai 2014.

PENYERTAAN MPM DALAM PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN KPM

Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) adalah antara program turun padang yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Tujuan program ini adalah untuk menyampaikan maklumat berkaitan dasar, program, aktiviti, perkhidmatan serta usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh KPM dalam memastikan sistem pendidikan negara berada pada tahap yang terbaik.

Melalui program ini juga, KPM menyediakan ruang kepada orang ramai untuk menyalurkan cadangan dan aduan berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan oleh KPM dengan tujuan untuk menambahbaikkan perkhidmatan yang sedia ada.

MPM sebagai salah sebuah agensi di bawah KPM turut menyertai program ini, iaitu di Miri, Sarawak dari 24 hingga 25 September 2011. Program yang diadakan secara bersepadu ini melibatkan sebanyak 35 bahagian/agensi KPM.

Dengan menyertai program ini, MPM secara langsung dapat mendekatkan diri dengan

MEC QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

In 2011, MEC merged the STPM Quality Management System ISO with the MUET Quality Management System ISO. A reassessment audit of the quality management system of the STPM and MUET examination was carried out from 9 to 11 May 2011 by SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

MEC obtained the ISO 9001:2008 Quality Management System certificate for STPM and MUET from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) (certificate number AR4761) on 1 August 2011. The certificate is valid until 31 July 2014.

PARTICIPATION OF MEC IN MOE MEET-THE-CLIENTS DAY PROGRAMME

Meet-the-Clients Day Programme is one of the programmes undertaken by the Ministry of Education Malaysia (MOE). The purpose of this programme is to disseminate information relating to policies, programmes, activities, services and efforts that are being implemented by the Ministry of Education to ensure that the national education system is at its best.

Through this programme, MOE provides opportunities for the public to channel their suggestions and complaints related to the services provided in order to enhance existing services.

MEC, as an agency under the Ministry of Education also participated in this programme, which was held in Miri, Sarawak from 24 to 25 September 2011. This joint event involved a total of 35 divisions/agencies under the MOE.

By participating in this program, MEC can directly reach out to its customers to deliver information about the services provided, to answer and solve problems related to the

pelanggannya bagi menyampaikan maklumat tentang perkhidmatan yang disediakan, menjawab dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian peperiksaan, terutama STPM dan MUET.

Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)

Majlis Peperiksaan Malaysia telah menubuhkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Majlis Peperiksaan Malaysia yang diberi nama Kumpulan DINAMIK MPM pada 30 Mac 2009. Kumpulan ini terdiri daripada seorang fasilitator dan 10 orang ahli daripada pelbagai Bahagian/Unit di MPM. Melalui projek ketiga yang bertajuk "Mempercepatkan Pemprosesan Markah Calon STPM dan MUET", kumpulan ini telah menjadi Johan Kategori Pengurusan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Kementerian Pelajaran Malaysia 2011 yang telah diadakan dari 21 hingga 24 November 2011 di Hotel Grand BlueWave, Shah Alam, Selangor.

management and conduct of examinations, especially the STPM and MUET.

The Creative and Innovative Team

MEC set up its Creative and Innovative Team named The DYNAMIC MEC Group on 30 March 2009. This group comprised a facilitator and 10 other members from various Divisions/Units in MEC. Through its third project entitled "To Speed up the Processing of STPM and MUET Candidates' Marks", the group emerged champion in the Ministry of Education's (Management Category) Creative and Innovative Team Convention, which was held from 21 to 24 November 2011 at the Grand BlueWave Hotel, Shah Alam, Selangor.



PENGIKTIRAFAN KEPADA KECEMERLANGAN DAN KUALITI

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPM pada tahun ini telah diadakan pada 19 Julai 2011 di Dewan Besar MPM. Usaha ini selaras dengan arahan kerajaan supaya semua agensi kerajaan mengambil langkah berjimat cermat dalam perbelanjaan. Pada tahun 2011, sebanyak 13 orang staf MPM telah dianugerahi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2010, 7 orang staf telah mendapat anjakan gaji, manakala seorang staf telah menerima Anugerah Khidmat Setia, iaitu pengiktirafan kepada staf yang telah berkhidmat dengan MPM selama 20 tahun.

Pada tahun 2011, MPM telah memperkenalkan satu anugerah baharu, iaitu Anugerah Insentif Khas sebagai penghargaan kepada staf yang cemerlang tetapi telah melebihi kuota APC yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pemberian anugerah ini telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Tetap Pengurusan dan Kewangan MPM. Syarat-syarat dan kriteria penerima Anugerah Insentif Khas adalah sama seperti syarat-syarat yang ditetapkan untuk penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Kuota yang ditetapkan adalah 10% daripada jumlah kakitangan tahun penilaian tahun berkenaan. Sebanyak 16 orang staf telah menerima anugerah ini. Penerima anugerah ini akan menerima:

- sijil penghargaan;
- hadiah wang tunai RM500.00; dan
- hadiah lawatan sambil belajar dalam negeri mengikut keperluan atau membiayai yuran peperiksaan awam.

RECOGNITION OF EXCELLENCE AND QUALITY

Excellent Service Award (APC) Ceremony

The MEC's Excellent Service Award Ceremony was held on 19 July 2011 at the MEC Main Hall. This is in line with the government's directive that all government agencies should take measures to reduce expenditure. In 2011, a total of 13 MEC staff were awarded the 2010 Excellent Service Award. 7 staff received an increment in salary, while one staff received the Loyalty Service Award, which gives recognition to staff members who have served MEC for 20 years.

In 2011, MEC introduced a new award, which is the Special Incentive Award. If the APC quota set by the government is exceeded, outstanding staff will receive this award. This award is endorsed by the MEC Management and Finance Permanent Committee. The regulations and criteria to qualify to receive the Special Incentive Award is similar to that of the Excellent Service Award. The quota is set at 10% of the total staff of the year of assessment. The receiver of this award will receive:

- a certificate of appreciation;
- cash prize of RM500.00; and
- sponsorship for a local educational visit or fees paid for a public examination.

Tujuan pemberian Anugerah Insentif ini adalah seperti yang berikut:

- a. Menjadi pendorong kepada pegawai untuk bekerja lebih gigih serta memastikan kerja yang dipertanggungjawabkan dilaksanakan secara tepat, cepat dan berkualiti.
- b. Menjadi pemangkin ke arah menggalakkan pencapaian kerja yang cemerlang secara berterusan di kalangan pegawai kerana anugerah insentif ini secara tidak langsung merupakan pengiktirafan dan penghargaan daripada pihak pengurusan ke atas sumbangan dan khidmat cemerlang mereka.

The purposes of the Incentive Award are as follows:

- a. to motivate officers to be more diligent as well as to ensure that tasks given are completed efficiently, promptly and with quality.
- b. to be the catalyst in encouraging on-going excellent performance among officers because the incentive award is indirectly a recognition and appreciation from the top management for their contribution and excellent service.



PENERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG TAHUN 2011
2011 Excellent Service Award Recipient



PENERIMA ANUGERAH INSENTIF KHAS TAHUN 2011
2011 Special Incentive Award Recipient



PENERIMA ANJAKAN GAJI TAHUN 2011
Recipient of Salary Increment in 2011



STAF YANG MENDAPAT ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG TAHUN 2011
Staff Who Received the 2011 Excellent Service Award

BIL No	NAMA Name
1	Encik Ahmad Tajudin bin Abu Bakar
2	Puan Maziyan binti Hamzah
3	Puan Hajah Zainah binti Mohd Shahar
4	Encik Adnan bin Husin
5	Tuan Haji Mohd Zaini bin Othman
6	Encik Azman bin Hussein
7	Encik Mohd Tarmizi bin Hati @ Mohd Hadi
8	Encik Shaari bin Saad
9	Puan Saadiah binti Mohd Yusof
10	Puan Alwani binti Ahmed
11	Cik Azizah binti Ali
12	Encik Ahmad Zokri bin Md Daud
13	Encik Mohd Nor bin Hamid

STAF YANG MENERIMA ANUGERAH INSENTIF KHAS TAHUN 2011
Staff Who Received the 2011 Special Incentive Award

BIL No	NAMA Name
1	Encik Abd Majid bin Adnan
2	Puan Ruhaiabah binti Hassan
3	Encik Zainal Abiddin bin Ahmad @ Mohd
4	Encik Mohd Tharmezy bin Md Tajuddin
5	Encik Khairul Ariffin bin Juhari
6	Puan Hariani binti Abu Hassan Shaari
7	Encik Zinal bin Md Eros
8	Puan Aliah binti Abdullah
9	Puan Nur Hashimah binti Rahmad
10	Cik Zuraida binti Zaharan
11	Encik Syed Muhamad Najib bin Syed Supian Suri
12	Encik Azrul bin Mahmud
13	Puan Zalipha binti Zaharan
14	Encik Zairul Akmal bin Zainol
15	Encik Amir bin Razali
16	Encik Mohd Abd Latif bin Hamid

STAF YANG MENDAPAT ANJAKAN GAJI TAHUN 2011
Staff Who Received Salary Increment in 2011

BIL No	NAMA Name
1	Tuan Haji Mohd. Fauzi bin Haji Mohd. Kassim
2	Puan Nik Hanizah Mufidah binti Nik Husin
3	Encik Mohd Isa bin Ibrahim
4	Puan Faridah binti Mat Amin
5	Puan Fauziah binti Abdul Aziz
6	Puan Siti Noor Hamidah binti Mohd Apandi
7	Encik Mohd Hafiz bin Safiee

STAF YANG MENERIMA ANUGERAH KHIDMAT SETIA 2011
Staff Who Received the Loyalty Service Award in 2011


BIL No	NAMA Name
1	Puan Ruhaiabah binti Hassan

URUS SETIA
Secretariat



CARTA ORGANISASI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Organisational Chart of Malaysian Examinations Council



PERJAWATAN

Jumlah kakitangan MPM hingga 31 Disember 2011 ialah 165 orang berbanding dengan jumlah peruntukan perjawatan keseluruhan MPM sebanyak 169. Pecahan perjawatan MPM mengikut kumpulan adalah seperti yang berikut:

POST

The number of MEC staff as at 31 December 2011 is 165 compared to the total allocation of MEC's posts, which is 169. The breakdown of the posts in MEC by category is as follows:

KUMPULAN PERJAWATAN Category of Posts	PERUNTUKAN BILANGAN JAWATAN Number of Positions Allocated	BILANGAN JAWATAN DIISI Number of Positions Filed	BILANGAN JAWATAN KOSONG Number of Positions Vacant
Pengurusan Tertinggi Top Management	1	1	0
Pengurusan dan Profesional Professional and Management	54	50	4
Sokongan I Support Group I	90	90	0
Sokongan II Support Group II	24	24	0
JUMLAH Total	169	165	4



PEGAWAI UTAMA MPM

Principal Officers of MEC

PUAN MAZIYAN BINTI HAMZAH

Ketua Eksekutif
Chief Executive
mulai 28 Disember 2011
from 28 December 2011

Timbalan Ketua Eksekutif 1
Deputy Chief Executive 1
mulai 9 Ogos 2011 hingga 27 Disember 2011
from 9 August 2011 until 27 December 2011

Timbalan Ketua Eksekutif 2
Deputy Chief Executive 2
hingga 8 Ogos 2011
until 8 August 2011



TUAN HAJI OMAR BIN ABU BAKAR

Ketua Eksekutif
Chief Executive
hingga 18 Disember 2011
until 18 December 2011



ENCIK AHMAD TAJUDIN BIN ABU BAKAR

Timbalan Ketua Eksekutif 1
Deputy Chief Executive 1
hingga 21 Julai 2011
until 21 July 2011



TUAN HAJI MOHD. FAUZI BIN HAJI MOHD. KASSIM

Timbalan Ketua Eksekutif 1
Deputy Chief Executive 1
mulai 28 Disember 2011
from 28 December 2011

Timbalan Ketua Eksekutif 2
Deputy Chief Executive 2
mulai 9 Ogos 2011 hingga 27 Disember 2011
from 9 August 2011 until 27 December 2011

Setiausaha Bahagian Penyelidikan dan
Dasar Peperiksaan
Head of Research and Examination Policy
Division
sehingga 8 Ogos 2011
until 8 August 2011





PUAN HAJAH ZAINAH BINTI MOHD. SHAHAR

Setiausaha Bahagian Sains dan Matematik
Head of Science and Mathematics Division



CIK TOH KIM ENG

Setiausaha Bahagian Sains Sosial
Head of Social Science and MUET Division



ENCIK ADNAN BIN HUSIN

Setiausaha Bahagian Penyelidikan dan Dasar Peperiksaan
Head of Research and Examination Policy Division
mulai 11 Ogos 2011
from 11 August 2011

Setiausaha Bahagian Percetakan Keselamatan
Head of Security Printing Division
sehingga 10 Ogos 2011
until 10 August 2011



PUAN NOR QAILY BINTI SA'ARI

Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat
Manager of the Information Technology Division



ENCIK ISHAK BIN HAMZAH

Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan Luar
Head of External Examinations Administration Division



ENCIK ZAKARIA BIN KAMALUDIN

Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET
Head of STPM and MUET Administration Division



**TUAN HAJI MOHD ZAINI BIN
OTHMAN**

Setiausaha Bahagian Percetakan
Keselamatan
Head of Security Printing Division
mulai 11 Ogos 2011
from 11 August 2011



**TUAN HAJI KHAWARI BIN
HAJI IDRIS**

Pegawai Perhubungan Awam
Public Relations Officer



ENCIK RAGIB BIN AHMAD

Ketua Pegawai Keselamatan
Chief Security Officer



**ENCIK AHMAD KHAIRUL BIN
HARUN**

Pegawai Tadbir
Administrative Officer



**ENCIK MOHD TARMIZI BIN
HATI @ MOHD. HADI**

Juruaudit Dalam
Internal Auditor



**PUAN SUHANA BINTI
SADINA ALI**

Setiausaha Bahagian Kewangan
Head of Financial Management
Division

LAPORAN PENCAPAIAN

Performance Reports

LAPORAN PENCAPAIAN

Performance Reports

PROGRAM UTAMA

Pengurusan dan pengendalian peperiksaan merupakan program utama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

Peperiksaan yang diwartakan ialah peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai tahun 1982 dan Malaysian University English Test (MUET) mulai tahun 1999. MUET telah dikendalikan sekali pada tahun 1999 dan dua kali setahun mulai tahun 2000. Mulai tahun 2003 pula, MPM telah diamanahkan untuk mengendalikan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi anggota perkhidmatan pelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) sehingga peperiksaan ini dimansuhkan pada 1 Januari 2011. Mulai tahun 2005, MPM mengendalikan Malaysian Information Technology Professional Examination (MITPE) bagi pihak Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn. Bhd. (METEOR), iaitu peperiksaan yang membolehkan para graduan dan golongan profesional teknologi maklumat mendapat pengiktirafan dalam kemahiran teknologi maklumat di peringkat antarabangsa. Mulai tahun 2008, MPM mengendalikan ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI) bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, iaitu ujian untuk menyaring calon yang ingin mengikuti program pendidikan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Mulai tahun 2009, MPM mengendalikan ujian Malaysian University Selection Inventory (MUnSyl), iaitu satu bentuk ujian psikometrik untuk calon lepasan STPM, matrikulasi, diploma, dan yang setaraf dengannya yang memohon untuk kemasukan ke program ijazah sarjana muda di Universiti Sains Malaysia. Pada tahun 2010, MPM mula mengendalikan peperiksaan Shariah Registered Financial Planner (Shariah

MAIN PROGRAMMES

The management and administration of examinations are the main programmes of the Malaysian Examinations Council (MEC).

The gazzeted examinations are Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) from the year 1982 and the Malaysian University English Test (MUET) from 1999. MUET was conducted once a year in 1999, and twice a year beginning from the year 2000. Since 2003, MEC conducted the Competency Level Assessment (PTK) examination for staff of the Ministry of Education until the examination was abolished on January 1, 2011. Since 2005, MEC conducts the Malaysian Information Technology Professional Examination (MITPE) on behalf of Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn. Bhd. (METEOR). This examination enables information technology graduates and professionals to gain international recognition. Beginning from 2008, MEC conducted the Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI) test on behalf of the Ministry of Higher Education. This is a test to shortlist candidates who wish to pursue education programmes at public institutions of higher learning. From 2009, MEC conducted the Malaysian University Selection Inventory (MUnSyl) test, a psychometric test for post STPM, matriculation, diploma candidates and those with equivalent qualifications who apply to pursue undergraduate programmes at Universiti Sains Malaysia. Beginning from 2010, MEC conducted the Shariah Registered

MUET telah dikendalikan sekali pada tahun 1999 dan dua kali setahun mulai tahun 2000.

MUET was conducted once in 1999 and twice a year beginning from 2000.

RFP) bagi pihak Malaysian Financial Planning Council (MFPC), iaitu peperiksaan profesional yang diadakan bertujuan untuk melahirkan perancang kewangan syariah dalam kalangan warga kerja terutamanya dalam sektor insurans dan kewangan.

SASARAN DAN PENCAPAIAN

MPM telah menetapkan sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) untuk tahun 2011 dan pencapaiannya adalah seperti yang berikut:

Peraturan dan Skema Peperiksaan

Peraturan dan Skema Peperiksaan bagi STPM 2012 perlu diedarkan kepada penerima selewat-lewatnya 18 bulan sebelum peperiksaan. MPM telah mengedarkannya pada 14 Mac 2011, iaitu 20 bulan sebelum peperiksaan.

Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions bagi MUET perlu diedarkan kepada penerima selewat-lewatnya 18 bulan sebelum peperiksaan. Walau bagaimanapun, tidak ada dokumen yang baharu yang perlu diedarkan pada tahun 2011 kerana ujian MUET pada tahun 2012 masih menggunakan dokumen yang diedarkan pada tahun 2007.

Bagi peperiksaan Syariah RFP tahun 2011, pihak MFPC yang mengeluarkan peraturan dan skema peperiksaan.

Bagi MITPE serta ujian MEdSI dan MUnSyl tahun 2011, tiada peraturan dan skema peperiksaan yang perlu diedarkan.

Financial Planner (Syariah RFP) examination on behalf of the Malaysian Financial Planning Council (MFPC). This is a professional test with the aim to create shariah financial planners especially in the insurance and financial sectors.

TARGETS AND ACHIEVEMENTS

MEC set Key Performance Indicator (KPI) targets for 2011 and its achievements are as follows:

Regulations and Examination Schemes

Regulations and Examination Schemes for the 2012 STPM should be distributed at the latest 18 months before the examination. MEC distributed these on 14 March 2011, which is 20 months before the examination.

The Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions for MUET should be distributed at the latest 18 months before the test. However, no new documents had to be distributed in 2011 as the 2012 MUET still uses the documents that were distributed in 2007.

For the 2011 Syariah RFP Examination, MFPC produced the regulations and scheme of examination.

There are no necessity to distribute any regulations and scheme of examinations for the 2011 MITPE, MEdSI and MUnSyl tests.

Sukatan Pelajaran

Kesemua 23 sukatan pelajaran baharu bagi semua mata pelajaran STPM telah berjaya dikaji semula pada 31 Disember 2009 untuk disesuaikan dengan sistem pentaksiran modular yang dicadangkan. Sukatan pelajaran baharu ini telah diluluskan pada Mesyuarat Majlis Ke-118 pada 8 Julai 2010. Walau bagaimanapun, keputusan pelaksanaan sistem pentaksiran baharu ini masih dalam pertimbangan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM).

Bagi MUET, belum ada keperluan untuk mengkaji semula *Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions*.

Bagi MITPE, sukatan pelajaran peperiksaan dikeluarkan oleh pihak METEOR Sdn. Bhd.

Bagi Syariah RFP, sukatan pelajaran peperiksaan dikeluarkan oleh pihak MFPC.

Penyediaan Kertas Peperiksaan

MPM telah menyediakan semua kertas peperiksaan yang diperlukan untuk peperiksaan STPM, MUET, MEdSI, MUnSyl, dan Syariah RFP seperti yang berikut:

Syllabuses

Review of all the 23 new STPM syllabuses were successfully reviewed on 31 December 2009, in line with the proposed modular assessment system. The syllabuses were approved by the 118th Council Meeting on 8 July 2010. However, the implementation of the new assessment system is still under consideration by the Cabinet.

For MUET, a review of the Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions is not required yet.

For MITPE, the examination syllabus is issued by METEOR Sdn. Bhd.

For Syariah RFP, the examination syllabus is issued by MFPC.

Preparation of Examinations Paper

MEC prepared all the examination papers required for the STPM, MUET, MEdSI, MUnSyl and Syariah RFP examinations as follows:

PEPERIKSAAN/UJIAN Examination/Test	BILANGAN KERTAS/ITEM PEPERIKSAAN YANG PERLU DISEDIAKAN Number of Papers/Examination Items to be Prepared	BILANGAN KERTAS/ITEM PEPERIKSAAN YANG TELAH DISEDIAKAN Number of Papers/Examination Items Prepared
STPM STPM	56 kertas 56 papers	56 kertas 56 papers
MUET MUET	8 kertas 8 papers	8 kertas 8 papers
MEdSI MEdSI	1 kertas (300 item) 1 paper (300 items)	1 kertas (300 item) 1 paper (300 items)
MUnSyl MUnSyl	1 kertas (310 item) 1 paper (310 items)	1 kertas (310 item) 1 paper (310 items)
Shariah RFP Syariah RFP	7 modul 7 modules	7 modul 7 modules
Shariah RFP Capstone Syariah RFP Capstone	1 modul 1 module	1 modul 1 module
Shariah RFP Adhoc PNBi Syariah RFP Adhoc PNBi	1 modul 1 module	1 modul 1 module

Bagi peperiksaan MITPE, kertas peperiksaan disediakan oleh METEOR Sdn. Bhd., tetapi pada tahun 2011 tiada calon mengambil MITPE.

Pentadbiran Peperiksaan

Jadual waktu peperiksaan/ujian telah dihantar kepada calon mengikut jadual yang ditetapkan, iaitu selewat-lewatnya sebulan sebelum peperiksaan/ujian. Semua calon yang mendaftar/dipilih dapat menduduki peperiksaan/ujian masing-masing.

Pemeriksaan Skrip Jawapan

Semua mesyuarat penyelarasan pemeriksaan skrip jawapan bagi peperiksaan bertulis telah dijalankan mengikut jadual, dan kerja pemeriksaan disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan, iaitu 45 hari.

Pengeluaran Keputusan

Keputusan peperiksaan STPM 2010 dikeluarkan pada 21 Februari 2011, iaitu dalam tempoh 10 minggu selepas tarikh akhir peperiksaan pada 16 Disember 2010. Sijil STPM 2010 perlu dihantar ke Jabatan Pelajaran Negeri sebelum 30 Jun 2011. MPM telah berjaya menghantarnya pada 27 Jun 2011.

Keputusan MUET Akhir Tahun 2010 dikeluarkan pada 6 Januari 2011 dan keputusan MUET Pertengahan Tahun 2011 dikeluarkan pada 9 Jun 2011, iaitu dalam tempoh 8 minggu selepas tarikh akhir ujian.

Kawalan Keselamatan Bahan Peperiksaan

Kertas peperiksaan/ujian telah dihantar dan disimpan di bilik kebal peringkat kawasan serta diedarkan ke pusat peperiksaan mengikut prosedur pengendalian keselamatan. Kertas jawapan calon telah dihantar atau dikirim oleh

The MITPE examination papers were prepared by METEOR Sdn. Bhd., however in 2011 no candidates sat for the examination.

Administration of Examinations

The timetables of the examinations/tests were sent to candidates according to the set schedule, which is at least a month before the examinations/tests. All registered/selected candidates sat for the respective examinations/tests on schedule.

Marking of Answer Scripts

All coordination meetings for the marking of answer scripts for the written papers were conducted according to schedule and the task of marking was completed according to the set time frame of 45 days.

Release of Results

The 2010 STPM results were released on 21 February 2011, which was within 10 weeks of the last date of the examination on 16 December 2010. The 2010 STPM certificates had to be sent to the State Education Departments before 30 June 2011. MEC successfully sent out the certificates on 27 June 2011.

The 2010 End of Year MUET results were released on 6 January 2011 while the Mid-year 2011 MUET results were released on 9 June 2011, that is, within 8 weeks of the last date of the test.

Security Control for Examination Materials

Examination/test papers were delivered and stored in the strong rooms of the respective areas and distributed to examination centres according to stipulated security handling procedures. Answer scripts of candidates

ketua pengawas pusat peperiksaan kepada pemeriksa atau pegawai MPM mengikut prosedur yang ditetapkan. Tidak ada kertas peperiksaan atau kertas jawapan calon yang hilang atau dicerobohi semasa penghantaran/pengedaran/pengiriman.

were sent or posted by chief invigilators of examination centres to examiners or MEC officers according to the procedures stipulated. There were no cases of lost examination papers or answer scripts during transportation/distribution/postage.

Kes Salah Laku Calon Peperiksaan

MPM telah menerima laporan sebanyak 53 kes salah laku calon peperiksaan STPM 2011, berbanding sebanyak lima kes salah laku calon yang dilaporkan pada tahun 2010. Bagi MUET Pertengahan Tahun 2011 dan MUET Akhir Tahun 2011, tiada kes salah laku calon dilaporkan berbanding sebanyak empat kes pada tahun 2010.

Candidate Malpractice in Examinations

MEC received 53 reports of candidate malpractice in the STPM examination in the year 2011, compared to 5 cases reported in 2010. In the End-Year 2011 MUET and Mid-Year 2011 MUET, there were no malpractice cases reported compared to 4 cases reported in 2010.

PEPERIKSAAN/UJIAN Examination/Test	BILANGAN KES SALAH LAKU TAHUN 2010 Number of Malpractice Cases in 2010		BILANGAN KES SALAH LAKU TAHUN 2011 Number of Malpractice Cases in 2011	
	LAPORAN PENGAWAS Invigilator's Report	LAPORAN PEMERIKSA Examiner's Report	LAPORAN PENGAWAS Invigilator's Report	LAPORAN PEMERIKSA Examiner's Report
STPM STPM	4	1	19	34
MUET Pertengahan Tahun Mid-Year MUET	0	3	0	0
MUET Akhir Tahun End of Year MUET	1	0	0	0
Jumlah Kes Total	9		53	

Daripada keseluruhan 71 calon yang terlibat di dalam kes salah laku sepanjang tahun 2011, seramai 31 orang calon didapati tidak sabit dengan tuduhan dan keputusan peperiksaan mereka dikekalkan, seramai 14 orang calon didapati tidak sabit dengan tuduhan tetapi keputusan peperiksaan mereka disemak semula, manakala 26 orang calon telah disabitkan dengan pertuduhan dan keputusan peperiksaan mereka telah dibatalkan.

From the overall 71 candidates who were involved in malpractice cases throughout the year 2011, 31 candidates were found not guilty and their examination results were released. 14 candidates were found not guilty but their examination results required review. 26 candidates were found guilty and disqualified from the qualification.

PEPERIKSAAN/ UJIAN Examination/ Test	TAHUN 2010 Year 2010			TAHUN 2011* Year 2011*		
	CALON DITUDUH Candidates Accused	CALON DISABIT Candidates Convicted	CALON DIBEBAS Candidates Found Not Guilty	CALON DITUDUH Candidates Accused	CALON DISABIT Candidates Convicted	CALON DIBEBAS Candidates Found Not Guilty
STPM STPM	7	3	4	71	26	45
MUET Pertengahan Tahun Mid-Year MUET	15	4	11	0	0	0
MUET Akhir Tahun End of Year MUET	4	4	0	0	0	0

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
BORANG JAWAPAN ANEKA PILIHAN S

PUSAT PEPERIKSAAN

BUTIR CALON

KOD DAN NAMA KER

UNTUK DIISI OLEH KETUA PENGAWAS
CALON YANG TIDAK NADIR

Ketua Pengawas diminta menghitam
bagi calon yang tidak hadir

Tandatangan Ketua Pengawas

Nama Ketua Pengawas

TENTUKAN BAHAWA TIAP-TIAP JAWAPAN ITU DIHITAMKAN SEPENUHNYA,
PADAMKAN HINGGA BERSIH MANA-MANA JAWAPAN YANG HENDAK DIUBAH.

ABAT SAHAJA

MESYUARAT PERINGKAT
URUS SETIA
Secretariat Level Meetings

MESYUARAT PERINGKAT URUS SETIA

Secretariat Level Meetings

MESYUARAT Meeting	SIRI MESYUARAT Meeting Series	TARIKH Date
Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus MPM MEC's Corporate Governance Committee Meeting	Ke-31 31st	25 Februari 2011 25 February 2011
	Ke-32 32nd	21 Jun 2011 21 June 2011
	Ke-33 33rd	3 Oktober 2011 3 October 2011
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Financial Management and Accounts Committee Meeting	Suku Tahun Keempat 2010 Fourth Quarter (2010)	19 Januari 2011 19 January 2011
	Suku Tahun Pertama 2011 First Quarter (2011)	8 April 2011 8 April 2011
	Suku Tahun Kedua 2011 Second Quarter (2011)	8 Julai 2011 8 July 2011
	Suku Tahun Ketiga 2011 Third Quarter (2011)	18 Oktober 2011 18 October 2011
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan Government Moveable Asset Management Committee Meeting	Suku Tahun Keempat 2010 Fourth Quarter (2010)	19 Januari 2011 19 January 2011
	Suku Tahun Pertama 2011 First Quarter (2011)	8 April 2011 8 April 2011
	Suku Tahun Kedua 2011 Second Quarter (2011)	8 Julai 2011 8 July 2011
	Suku Tahun Ketiga 2011 Third Quarter (2011)	18 Oktober 2011 18 October 2011
Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu IT IT Steering Committee Meeting	Ke-22 22nd	12 April 2011 12 April 2011
	Ke-23 23rd	14 Oktober 2011 14 October 2011
Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bagi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 Review Meeting for the ISO 9001:2008 Quality Management System	Ke-13 13th	14 April 2011 14 April 2011
Mesyuarat Lembaga Penilaian Kompetensi Majlis Peperiksaan Malaysia Malaysian Examination Council Competency Assessment Board Meeting	Ke-9 9th	25 Januari 2011 25 January 2011

MESYUARAT Meeting	SIRI MESYUARAT Meeting Series	TARIKH Date
Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Joint Departmental Council Meeting	Ke-37 37th	7 Mac 2011 7 March 2011
	Ke-38 28th	14 Jun 2011 14 June 2011
	Ke-39 39th	28 Ogos 2011 28 August 2011
	Ke-40 40th	15 Disember 2011 15 December 2011
Mesyuarat antara MPM dengan Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri Meeting between MEC and Heads of the Evaluation and Examination Sector, State Education Department	Ke-57 57th	19 hingga 20 Julai 2011 19 to 20 July 2011
Mesyuarat Penyelarasan antara Jabatan untuk Pengangkutan Kertas Peperiksaan Coordination Meeting Between Departments for the Transport and Delivery of Examination Papers	Operasi Majlis 1 Tahun 2011 Council Operation 1 (2011)	16 Mac 2011 16 March 2011
	Operasi Majlis 2 dan Operasi Majlis 3 Tahun 2011 Council Operation 2 and 3 (2011)	6 September 2011 6 September 2011
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tender Technical Tender Committee Meeting	Pencetakan Kertas Soalan STPM Tahun 2012 - 2013 Printing of STPM Examination Papers Year 2012 - 2013	19 September 2011 19 September 2011
Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Penarafan Bintang (System Star Rating) MPM MEC's Star System Rating Meeting	Pertama First	29 Disember 2011 29 December 2011

INISIATIF BAHARU

New Initiatives

INISIATIF BAHARU

New Initiatives

PEREKAYASAAN PROSES KERJA

Sejajar dengan pendekatan konsep “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, MPM sentiasa menambah baik mutu perkhidmatan kepada pelanggan dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai pengupaya. Sistem pendaftaran secara dalam talian dan sistem e-Submission yang telah dibangunkan pada tahun 2010, telah ditambah baik pada tahun 2011 dan diperluaskan skopnya agar ia merangkumi keseluruhan proses dan dapat dimanfaatkan oleh semua pelanggan. Sistem e-Submission ialah sistem penghantaran markah secara dalam talian. Sistem ini telah mula digunakan sepenuhnya pada tahun 2011.

Sistem e-Submission bukan sahaja melibatkan pengumpulan markah untuk kertas ujian bertulis, malah untuk pengumpulan markah ujian amali dan ujian lisan juga. Hasilnya, keseluruhan proses pengumpulan markah dilakukan dengan cepat, tepat, dan berkesan. Untuk tujuan penambahbaikan, MPM menjalankan *post-mortem* bagi setiap perkhidmatan secara dalam talian yang telah dibangunkan dari masa ke semasa.

Bagi menyokong Pelan Strategik ICT Sektor Awam pula, iaitu ‘Back Office Application’, ‘Paperless Initiatives’, dan ‘Zero Face to Face’,

ENHANCEMENT OF WORK PROCESS

In line with the “1Malaysia: People First, Performance Now” concept, MEC constantly seeks to improve its quality of customer service by using Information and Communications Technology (ICT) as a tool. Both the online registration and e-Submission systems, were built in 2010. These systems were upgraded in 2011 and the scope was expanded to encompass all processes to benefit customers. The e-Submission system is an online score delivery system. This system has been fully operationalised since 2011.

The e-Submission system involves score collection for written tests, practicals as well as oral tests. As a result, the process of score collection is swift, accurate and effective. For improvement, MEC carries out post-mortem for each online service from time to time.

To support the Public Sector ICT Strategic Plan, that is, ‘Back Office Application’, ‘Paperless Initiatives’, and ‘Zero Face to Face’, MEC improved its work processes which involve customers by using ICT to ensure the services delivered to customers are more efficient and effective. The enhancement of work processes for the MUET Mid Year 2011 Appeals for the rechecking of results successfully accelerated the release of the results from a duration of 30 days to 18 days.

MPM telah berjaya menjimatkan sehingga setengah juta helai kertas setahun, apabila melaksanakan semua inisiatif ini.

MEC has successfully saved up to half a million sheets of paper a year when implementing these initiatives.

MPM telah merekayasa proses kerja yang melibatkan pelanggan dengan menggunakan ICT bagi membolehkan perkhidmatan disampaikan kepada pengguna dengan lebih cekap dan berkesan. Perekayasaan proses kerja bagi Penyemakan Semula Keputusan MUET Pertengahan Tahun 2011 telah berjaya mempercepatkan tempoh masa pengeluaran keputusan Rayuan Penyemakan Semula Keputusan daripada 30 hari kepada 18 hari.

MPM juga sentiasa mencari ruang untuk mengurangkan penggunaan kertas dalam urusan seharian. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah memuat naik semua borang ke dalam portal, pemberitahuan secara talian dan sms, penyemakan keputusan dan pendaftaran secara talian dan e-Submission. Selain itu, satu sistem baharu telah dibangunkan, iaitu Sistem e-JKC. Sistem ini membolehkan Ketua Pengawas di pusat peperiksaan memasukkan maklumat kehadiran calon bagi setiap sesi peperiksaan secara talian. Sistem ini juga diselaraskan dengan e-Submission agar ketidakhadiran calon akan terus dikemaskinikan. MPM telah berjaya menjimatkan sehingga setengah juta helai kertas setahun, apabila melaksanakan semua inisiatif ini.

MEC always seeks to reduce paper usage in its daily operations. Among the initiatives undertaken are to upload all forms into its portal. Notices go on-line and through SMS. Registration and checking of results are online as well as e-Submission. In addition, a new system has been developed, namely the e-JKC System. This system, allows the Chief Invigilator at the examination centre, to enter online information on candidates attendance for each examination session. The system is also aligned with e-Submission to ensure that absence of the candidates for examinations will immediately be updated. MEC has successfully saved up to half a million sheets of paper a year when implementing these initiatives.



SISTEM KLASIFIKASI FAIL

Arkib Negara Malaysia (ANM) telah dipertanggungjawabkan terhadap pengurusan rekod di pejabat awam bermula dari peringkat pewujudan hingga pelupusan. ANM menetapkan penggunaan Sistem Klasifikasi Fail berdasarkan fungsi sebagai kaedah untuk mengurus rekod secara sistematik dan terkawal serta mewujudkan keseragaman dalam klasifikasi fail yang diguna pakai.

Pada tahun 2011, MPM telah memulakan pelaksanaan Sistem Klasifikasi Fail mengikut kaedah yang ditetapkan ANM. Satu Bengkel Pengharmonian Sistem Klasifikasi Fail MPM telah diadakan pada 10 hingga 12 Oktober 2011 di MPM. Bengkel ini bertujuan untuk menyemak klasifikasi fail MPM yang disediakan oleh ANM. Semasa bengkel tersebut, semua klasifikasi fail umum (*house keeping*) dan khusus (*functional*) telah disemak satu per satu mengikut tajuk, maklumat, dan kandungan berdasarkan kesesuaian klasifikasi fail MPM. Sistem ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2012.

Career Selection Inventory for Malaysian II (CaSIM II)

Selaras dengan perancangan senario MPM untuk mempelbagaikan fungsi, MPM telah membangunkan Career Selection Inventory for Malaysian II (CaSIM II). CaSIM II ialah instrumen pengukuran psikometrik untuk mengukur keserasian antara ciri individu dengan bidang pekerjaan yang boleh digunakan oleh majikan bagi menyaring pengambilan staf, membuat penempatan staf, dan merancang modal insan organisasi dengan mengambil kira faktor psikometrik staf. Instrumen ini dibangunkan oleh satu jawatankuasa yang dianggotai pakar psikometrik dari beberapa buah universiti awam tempatan.

Pada tahun 2011, ujian CaSIM II dijalankan untuk *Razak School of Government* (RSOG).

FILE CLASSIFICATION SYSTEM

The National Archives of Malaysia (NAM) has been entrusted to manage records in public offices from the initial stage to the disposal stage. NAM sets the use of the File Classification System based on its function to manage records systematically and orderly as well as to create uniformity in the classification of files.

In 2011, MEC implemented the File Classification System according to the method prescribed by NAM. A workshop on the Harmonisation of MEC File Classification System was held from 10 to 12 October 2011 at MEC. This workshop aims to review MEC's file classification as prescribed by NAM. During the workshop, all general (*house keeping*) and specific (*functional*) file classification were checked one by one according to title, information and content based on MEC's file classification. This system will be fully implemented in 2012.

Career Selection Inventory for Malaysian II (CaSIM II)

In line with the MEC scenario planning to diversify its function, MEC has developed the Career Selection Inventory for Malaysians II (CaSIM II). CaSIM II is a psychometric instrument to measure the compatibility between an individual's characteristics and the field of employment. This can be used by employers for staff recruitment, staff relocation and human capital organization by taking into account the psychometric factors of the staff. This instrument was developed by a committee comprising psychometric experts from a few local public universities.

In 2011, CaSIM II test was conducted for Razak School of Government (RSOG). The test was conducted at the PETRONAS Training

Ujian telah dijalankan di Pusat Latihan PETRONAS (PERMATA), Bangi pada 27 Oktober 2011. Sebanyak 43 orang calon dalam kalangan pelajar cemerlang lepasan institusi luar negara tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menduduki ujian ini. Ujian ini telah berjaya membantu RSOG membuat penempatan tempat bertugas calon tersebut mengikut kecenderungan dan keserasian mereka.

Centre (PERMATA), Bangi on 27 October 2011. A total of 43 candidates, outstanding graduates of foreign institutions who were sponsored by the Public Service Department (PSD) sat for this test. This test has succeeded in helping RSOG make candidates placement for workplace according to candidates' preferences and compatibility.



LAPORAN PEPERIKSAAN

Examination Reports

LAPORAN PEPERIKSAAN

Examination Reports

PEPERIKSAAN STPM 2011

Calon

Pada tahun 2011, sebanyak 53,687 calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM berbanding dengan 53,671 calon pada tahun 2010. Jumlah calon yang mendaftar meningkat sebanyak 17 calon atau 0.03 peratus. Daripada jumlah calon yang mendaftar terdapat 61 orang calon istimewa yang terdiri daripada 12 orang calon kurang upaya dari segi penglihatan (buta), 28 orang calon kurang upaya dari segi penglihatan (rabun), 18 orang calon kurang upaya dari segi anggota/spastik, dan 2 orang calon kurang upaya dari segi pendengaran, 1 orang kurang upaya dari segi pertuturan dan 4 orang calon dari Sekolah Integriti.

Perbandingan bilangan dan peratusan calon STPM 2010 dengan calon STPM 2011 mengikut jenis calon adalah seperti yang berikut:

2011 STPM EXAMINATION

Candidates

In 2011, a total of 53,687 candidates registered for the STPM examination compared to 53,674 candidates in 2010. This is an increase of 17 candidates or 0.03 per cent. Of the number of registered candidates, 61 were candidates with special needs, comprising 12 visually impaired (blind), 28 visually impaired (low vision), 18 physically impaired/spastic, 2 hearing impaired, 1 verbally challenged candidate and 4 candidates from the Integrity School.

A comparison of the number and percentage of 2010 and 2011 STPM candidates according to types of candidates is as follows:

JENIS CALON Type of Candidate	STPM 2010 STPM 2010		STPM 2011 STPM 2011	
	BILANGAN Number	PERATUSAN Percentage	BILANGAN Number	PERATUSAN Percentage
Calon sekolah kerajaan Government school candidates	47,367	88.25	48,247	89.87
Calon sekolah swasta Private school candidates	1,467	2.73	1,259	2.35
Calon persendirian individu Private individual candidates	4,592	8.56	3,990	7.43
Calon sekolah kerajaan negeri State government school candidates	235	0.44	187	0.35
Calon sekolah integriti Integrity school candidates	10	0.02	4	0.01
JUMLAH Total	53,671	100.00	53,687	100.00

Perbandingan bilangan calon STPM 2010 dengan STPM 2011 mengikut mata pelajaran adalah seperti yang berikut:

The comparison of the number of 2010 and 2011 STPM candidates according to subjects is as follows:

MATA PELAJARAN Subject	BILANGAN SEMUA CALON Total Number of Candidates		BILANGAN CALON SEKOLAH KERAJAAN Number of Government School Candidates	
	2010	2011	2010	2011
Pengajian Am General Studies	53,098	53,083	47,367	48,243
Bahasa Malaysia Malay	34,245	34,420	30,481	31,338
Bahasa Cina Chinese	632	532	486	414
Bahasa Tamil Tamil	785	724	626	597
Bahasa Arab Arabic	1,513	1,533	1,182	1,281
Literature in English Literature in English	105	109	72	73
Kesusasteraan Melayu Malay Literature	7,594	7,787	6,678	7,031
Syariah Shariah	2,029	2,167	1,515	1,771
Usuluddin Usuluddin	1,127	1,000	780	751
Sejarah History	25,987	26,013	23,100	23,579
Geografi Geography	15,970	16,098	14,027	14,560
Ekonomi Economics	18,387	17,800	16,711	16,308
Pengajian Perniagaan Business Studies	19,686	19,737	17,603	17,937
Perakaunan Accounting	2,847	2,873	2,470	2,533
Mathematics S Mathematics S	1,924	1,828	1,689	1,606
Mathematics T Mathematics T	8,988	8,489	8,444	7,977
Further Mathematics T Further Mathematics T	22	23	9	6
Computing Computing	446	451	345	330
Physics Physics	3,780	3,627	3,557	3,413
Kimia Chemistry	8,869	8,357	8,378	7,912
Biology Biology	5,301	4,922	4,945	4,582
Sains Sukan Sports Science	1,728	1,762	1,594	1,619
Seni Visual Visual Arts	7,220	7,685	6,701	7,235

Kertas Peperiksaan

Dalam peperiksaan STPM 2011, MPM telah menawarkan 23 mata pelajaran yang terdiri daripada 56 kertas peperiksaan. Kertas peperiksaan bagi tujuh mata pelajaran, iaitu Mathematics S, Mathematics T, Further Mathematics T, Computing, Physics, Chemistry, dan Biology telah disediakan dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Calon dibenarkan menulis jawapan sama ada dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

Pentadbiran Peperiksaan

Ujian Lisan Bahasa Arab telah dijalankan pada 20, 21, 22, 27, 28, dan 29 September 2011 manakala peperiksaan STPM bertulis telah dijalankan dari 21 November hingga 15 Disember 2011.

Jumlah pusat peperiksaan STPM bagi tahun 2011 ialah 744 buah. Untuk memudahkan pengurusan calon cacat penglihatan (buta), 4 buah pusat peperiksaan telah diwujudkan, iaitu masing-masing satu pusat di Kedah, Pulau Pinang, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sejumlah 4,942 orang penjawat peperiksaan yang terdiri daripada 418 orang Penyelia Kawasan, 747 orang Ketua Pengawas, dan 749 orang Timbalan Ketua Pengawas, dan 3,028 orang Pengawas telah dilantik untuk mentadbir peperiksaan STPM 2011.

Pemeriksaan Skrip Jawapan

Pada tahun 2011, pemeriksa yang dilantik adalah sebanyak 1,788 orang yang terdiri daripada 49 orang Ketua Pemeriksa, 24 orang Timbalan Ketua Pemeriksa, 287 orang Ketua Kumpulan, dan 1,428 orang pemeriksa.

Mesyuarat penyelarasan pemeriksaan skrip jawapan diadakan sebelum pemeriksa menjalankan kerja memeriksa. Mesyuarat penyelarasan bagi Ujian Lisan Bahasa Arab telah diadakan dari 10 hingga 13 September

Examination Papers

In the 2011 STPM examination, MEC offered 23 subjects which comprised 56 examination papers. The examination papers for seven subjects, Mathematics S, Mathematics T, Further Mathematics T, Computing, Physics, Chemistry and Biology were set in two languages, English and Malay. Candidates were allowed to answer either in English or Malay.

Administration Of Examination

The Arabic Oral Tests were conducted on 20, 21, 22, 27, 28, and 29 September 2011, whereas the written STPM examination was conducted from 21 November to 15 December 2011.

There were 744 STPM examination centres for the 2011 STPM examination. To facilitate the management of visually impaired (blind) candidates, 4 examination centres were set up, one each in Kedah, Pulau Pinang, Sarawak and the Federal Territory of Kuala Lumpur.

A total of 4,942 examination personnel comprising 418 Regional Supervisors, 747 Chief Invigilators, 749 Deputy Chief Invigilators and 3,028 invigilators were appointed to administer the 2011 STPM examination.

Marking Of Answer Scripts

In 2011, 1,788 examiners were appointed comprising 49 Chief Examiners, 24 Deputy Chief Examiners, 287 Team Leaders and 1,428 examiners.

Coordination meetings for the marking of answer scripts were held before the examiners carried out their marking. The coordination meeting for the Arabic Oral Test was held from 10 to 13 September 2011, while the coordination meetings for the written STPM

2011, manakala mesyuarat penyelarasan bagi peperiksaan bertulis telah diadakan dari 25 November hingga 30 Disember 2011. Mesyuarat penyelarasan pemeriksaan skrip jawapan telah diadakan di beberapa buah hotel dan IPTA di Lembah Klang.

Kes Salah Laku Calon

Sebanyak 53 kes salah laku dalam peperiksaan STPM 2011 yang melibatkan 71 orang calon telah disiasat oleh Jawatankuasa Siasatan Kes Salah Laku Calon. Siasatan bagi kes ini telah dijalankan dari 29 Januari hingga 2 Mac 2012.

Daripada keseluruhan 71 calon yang terlibat di dalam kes salah laku sepanjang tahun 2011, lembaga pengelola Majlis dalam Mesyuarat Majlis ke-122 telah memutuskan seramai 45 orang calon didapati tidak sabit dengan tuduhan dan keputusan peperiksaan mereka dikekalkan, manakala 26 orang calon lagi telah disabitkan dengan pertuduhan dan keputusan peperiksaan mereka telah dibatalkan.

Analisis Keputusan Peperiksaan STPM 2011

Keputusan peperiksaan STPM 2011 diumumkan pada 7 Mac 2012. Sebanyak tiga mata pelajaran, iaitu Bahasa Arab, Sejarah, dan Perakaunan, meningkat prestasinya dalam peperiksaan STPM 2011 berdasarkan peratusan calon yang lulus penuh berbanding dengan STPM 2010.

Pada tahun 2011, sebanyak empat mata pelajaran, iaitu Syariah, Pengajian Am, Pengajian Perniagaan, dan Further Mathematics T, menurun prestasinya berbanding dengan STPM 2010.

Sebanyak 16 mata pelajaran yang lain tidak berubah prestasinya.

Pencapaian calon mengikut mata pelajaran dalam peperiksaan STPM 2010 dan STPM 2011 bagi semua calon dan calon sekolah kerajaan masing-masing adalah seperti yang berikut:

examination were held from 25 November to 30 December 2011. The coordination meetings for the marking of answer scripts were held in several hotels and institutions of higher learning in the Klang Valley.

Candidate Malpractice Cases

A total of 53 malpractice cases in the 2011 STPM examination which involved 71 candidates, were investigated by the Malpractice Committee. Investigation into these cases were conducted from 29 January to 2 March 2012.

Of the number of malpractice cases in the 2011 STPM examination, the Council in the 122nd meeting has decided that 45 candidates were found not guilty and their examination results were released and 26 candidates were found guilty and their examination results were declared null and void.

Analysis of 2011 STPM Examination Results

The 2011 STPM examination results were announced on 7 March 2012. There was an improvement in the performance of three subjects, namely Arabic, History and Accounting. The improvement in performance in the 2011 STPM examination was based on the percentage of candidates who obtained full passes compared to the 2010 STPM.

In 2011, there was a drop in performance in four subjects, namely Syariah, General Studies, Business Studies and Further Mathematics T compared to the 2010 STPM.

There were 16 subjects that did not show any change in performance.

The achievement of candidates according to subjects in the 2010 and 2011 STPM examinations for all candidates and government school candidates is as follows:

Pencapaian Semua Jenis Calon Mengikut Mata Pelajaran dalam STPM 2010 dan STPM 2011
Achievement of All Types of Candidates According to Subjects in the 2010 and
2011 STPM Examinations

MATA PELAJARAN Subject	BILANGAN CALON MENDUDUKI Number of Candidates		PERATUSAN LULUS PENUH Percentage of Full Passes		PERATUSAN LULUS SEBAHAGIAN Percentage of Partial Passes		PERATUSAN GAGAL Percentage of Failure		BEZA % LULUS PENUH Difference % In Full Passes
	2010	2011	2010	2011	2010	2011	2010	2011	
Pengajian Am General Studies	50,201	50,208	80.78	77.38	12.79	15.64	6.44	6.98	-3.40
Bahasa Malaysia Malay	32,258	32,533	72.93	73.27	19.06	19.33	8.01	7.40	0.34
Bahasa Cina Chinese	586	502	63.99	64.14	19.80	19.32	16.21	16.53	0.15
Bahasa Tamil Tamil	702	669	67.81	68.61	23.65	24.07	8.55	7.32	0.80
Bahasa Arab Arabic	1,270	1,356	47.64	50.96	25.75	23.67	26.61	25.37	3.32
Kesusasteraan Inggeris Literature In English	84	85	78.57	78.82	8.33	8.24	13.10	12.94	0.25
Kesusasteraan Melayu Malay Literature	7,193	7,339	65.55	66.06	24.94	24.91	9.51	9.03	0.51
Syariah Shariah	1,722	1,927	75.90	73.69	19.40	20.91	4.70	5.40	-2.27
Usuluddin Usuluddin	908	841	72.58	71.22	18.50	20.10	8.92	8.68	-1.36
Sejarah History	24,247	24,386	58.30	62.10	19.93	17.34	21.77	20.56	3.80
Geografi Geography	15,004	15,153	67.16	68.13	18.48	18.14	14.36	13.73	0.96
Ekonomi Economics	17,482	16,880	53.92	54.94	22.55	22.35	23.53	22.71	1.01
Pengajian Perniagaan Business Studies	18,574	18,621	70.28	66.19	12.61	14.04	17.10	19.76	-4.08
Perakaunan Accounting	2,755	2,754	65.34	68.99	13.94	13.11	20.73	17.90	3.68
Mathematics S Mathematics S	1,815	1,740	57.96	57.13	14.55	14.31	27.49	28.56	-0.83
Mathematics T Mathematics T	8,591	8,107	67.07	65.92	9.89	10.52	23.04	23.56	-1.17
Further Mathematics T Further Mathematics T	11	10	72.73	60.00	18.18	10.00	9.09	30.00	-12.73
Computing Computing	430	438	69.53	70.55	23.02	24.20	7.44	5.25	-0.82
Fizik Physics	3,638	3,472	73.45	75.03	15.15	12.87	11.41	12.10	1.58
Kimia Chemistry	8,501	8,011	72.24	74.16	16.73	15.43	11.03	10.41	1.93
Biologi Biology	5,035	4,670	72.93	73.19	22.48	21.95	4.59	4.86	0.27
Sains Sukan Sports Science	1,603	1,614	74.98	74.60	18.15	17.35	6.86	8.05	-0.40
Seni Visual Visual Arts	6,797	7,221	88.27	88.13	6.12	6.81	5.61	5.05	-0.18



Pencapaian Calon Sekolah Kerajaan Mengikut Mata Pelajaran dalam STPM 2010 dan STPM 2011
Achievement of Government School Candidates According to Subjects in the 2010 and 2011 STPM Examinations

MATA PELAJARAN Subject	BILANGAN CALON MENDUDUKI Number of Candidates		PERATUSAN LULUS PENUH Percentage of Full Passes		PERATUSAN LULUS SEBAHAGIAN Percentage of Partial Passes		PERATUSAN GAGAL Percentage of Failure		BEZA % LULUS PENUH Difference % in Full Passes
	2010	2011	2010	2011	2010	2011	2010	2011	
Pengajian Am General Studies	45,967	46,801	82.50	78.76	11.90	15.02	5.60	6.22	-3.75
Bahasa Malaysia Malay	29,500	30,333	75.22	74.58	18.20	18.96	6.58	6.46	-0.64
Bahasa Cina Chinese	467	404	69.16	66.83	19.49	19.06	11.35	14.11	-2.34
Bahasa Tamil Tamil	594	575	70.37	71.48	22.56	23.30	7.07	5.22	1.11
Bahasa Arab Arabic	1,111	1,224	49.14	53.10	25.74	21.98	25.11	24.92	3.95
Kesusasteraan Inggeris Literature In English	68	67	86.76	86.57	7.35	5.97	5.88	7.46	-0.20
Kesusasteraan Melayu Malay Literature	6,463	6,763	66.42	66.51	25.08	25.00	8.49	8.49	0.09
Syariah Shariah	1,455	1,703	81.58	78.04	16.56	18.67	1.86	3.29	-3.61
Usuluddin Usuluddin	734	719	81.47	75.80	15.26	18.78	3.27	5.42	-5.67
Sejarah History	22,302	22,765	60.23	63.55	19.81	17.11	19.96	19.35	3.32
Geografi Geography	13,574	14,070	69.98	69.98	17.86	17.59	12.16	12.43	-0.01
Ekonomi Economics	16,228	15,812	55.03	56.05	22.73	22.50	22.23	21.45	1.00
Pengajian Perniagaan Business Studies	17,104	17,401	73.09	68.02	12.17	13.86	14.74	18.12	-5.07
Perakaunan Accounting	2,438	2,468	66.61	70.71	13.95	12.93	19.44	16.37	4.12
Mathematics S Mathematics S	1,643	1,574	59.28	59.53	14.55	14.17	26.17	26.30	0.25
Mathematics T Mathematics T	8,227	7,804	68.37	67.18	9.85	10.51	21.78	22.31	-1.21
Further Mathematics T Further Mathematics T	9	6	88.89	83.33	11.11	16.67	0.00	0.00	-5.56
Computing Computing	333	323	69.97	71.83	22.82	24.15	7.21	4.02	-0.24
Fizik Physics	3,490	3,353	74.81	76.32	15.04	12.82	10.14	10.86	1.51
Kimia Chemistry	8,165	7,735	73.62	76.55	16.79	15.33	9.59	9.11	1.93
Biologi Biology	4,797	4,466	74.59	74.97	22.18	21.74	3.23	3.29	0.38
Sains Sukan Sports Science	1,526	1,525	76.80	75.87	17.50	16.72	5.70	7.41	-0.95
Seni Visual Visual Arts	6,380	6,883	88.93	88.81	5.97	6.57	5.09	4.62	-0.18



Pencapaian Calon Berdasarkan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK)

Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dihitung berdasarkan nilai gred mata pelajaran bagi empat mata pelajaran terbaik termasuk Pengajian Am. Sebanyak 298 orang calon atau 0.59% mendapat PNGK 4.00. Daripada jumlah ini, 155 orang adalah calon aliran Sastera dan 143 orang adalah calon aliran Sains. Sebanyak 162 orang daripadanya adalah calon perempuan manakala 136 orang adalah calon lelaki.

Achievement of Candidates Based on Cumulative Grade Point Average (CGPA)

The Cumulative Grade Point Average (CGPA) is calculated based on the grade points of four best subjects, including General Studies. A total of 298 candidates (0.59%) obtained a CGPA of 4.00. From this total, 155 candidates were from the Arts stream while 143 were from the Science stream; 162 of the candidates are girls whereas 136 are boys.



Bilangan calon yang mendapat PNGK daripada 2.00 hingga 4.00
ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

The number of candidates who obtained a CGPA of 2.00 to 4.00 is shown in the table below:

PURATA NILAI GRED KESELURUHAN (PNGK) Cumulative Grade Point Average (CGPA)	BILANGAN CALON Number of Candidates			PERATUSAN Percentage			PERATUSAN LONGGOKAN Cumulative Percentage		
	2009	2010	2011	2009	2010	2011	2009	2010	2011
4.00	331	343	298	0.63	0.68	0.59	0.63	0.68	0.59
3.92	327	332	357	0.62	0.66	0.71	1.26	1.33	1.29
3.84	223	240	241	0.43	0.47	0.48	1.68	1.81	1.77
3.83	199	218	235	0.38	0.43	0.46	2.06	2.24	2.24
3.75	573	546	506	1.09	1.08	1.00	3.16	3.32	3.24
3.67	659	603	659	1.26	1.19	1.30	4.41	4.51	4.54
3.59	302	286	304	0.58	0.57	0.60	4.99	5.08	5.14
3.58	455	467	446	0.87	0.92	0.88	5.86	6.00	6.02
3.50	926	939	860	1.77	1.86	1.70	7.63	7.86	7.72
3.42	1,053	969	1,011	2.01	1.92	2.00	9.64	9.77	9.72
3.34	416	392	396	0.79	0.78	0.78	10.43	10.55	10.50
3.33	746	715	683	1.42	1.41	1.35	11.85	11.96	11.85
3.25	1,294	1,215	1,228	2.47	2.40	2.43	14.33	14.36	14.28
3.17	1,459	1,387	1,323	2.79	2.74	2.61	17.11	17.11	16.89
3.09	595	504	598	1.14	1.00	1.18	18.25	18.10	18.07
3.08	1,003	985	929	1.91	1.95	1.84	20.16	20.05	19.91
3.00	1,733	1,588	1,523	3.31	3.14	3.01	23.47	23.19	22.92
2.92	1,788	1,648	1,633	3.41	3.26	3.23	26.88	26.45	26.15
2.84	653	626	624	1.25	1.24	1.23	28.13	27.69	27.38
2.83	1,222	1,280	1,142	2.33	2.53	2.26	30.46	30.22	29.64
2.75	1,961	1,875	1,869	3.74	3.71	3.69	34.21	33.93	33.33
2.67	2,066	1,836	1,937	3.94	3.63	3.83	38.15	37.56	37.16
2.59	617	625	591	1.18	1.24	1.17	39.33	38.79	38.32
2.58	1,313	1,340	1,261	2.51	2.65	2.49	41.83	41.44	40.82
2.50	2,017	1,905	1,887	3.85	3.77	3.73	45.68	45.21	44.55
2.42	1,950	1,861	1,942	3.72	3.68	3.84	49.41	48.89	48.38
2.34	546	478	513	1.04	0.95	1.01	50.45	49.83	49.40
2.33	1,342	1,281	1,265	2.56	2.53	2.50	53.01	52.36	51.90
2.25	1,713	1,766	1,812	3.27	3.49	3.58	56.28	55.86	55.48
2.17	1,685	1,627	1,679	3.22	3.22	3.32	59.50	59.07	58.80
2.09	442	443	437	0.84	0.88	0.86	60.34	59.95	59.66
2.08	1,161	1,152	1,101	2.22	2.28	2.18	62.56	62.23	61.84
2.00	1,461	1,396	1,458	2.79	2.76	2.88	65.35	64.99	64.72
JUMLAH CALON Total	34,231	32,868	32,748	65.35	64.99	64.72			
JUMLAH KESELURUHAN CALON Overall Total Number of Candidates	52,383	50,576	50,602						

Kelulusan Penuh

Dalam peperiksaan STPM 2011, sebanyak 2,581 atau 5.10% calon telah lulus penuh 5 mata pelajaran, 20,604 atau 40.72 % calon telah lulus 4 mata pelajaran, 10,205 atau 20.17% calon telah lulus 3 mata pelajaran, 7,065 atau 13.96 % calon telah lulus 2 mata pelajaran, dan 6,192 atau 12.24 % calon telah lulus 1 mata pelajaran.

Jumlah peratusan calon yang mendapat lulus penuh dalam 5 dan 4 mata pelajaran telah menurun, iaitu dari 46.41% (23,473 calon) pada tahun 2010 kepada 45.82 % (23,185 calon) pada tahun 2011.

Perbandingan bilangan dan peratusan calon yang lulus penuh dalam lima mata pelajaran, empat mata pelajaran, tiga mata pelajaran, dua mata pelajaran, dan satu mata pelajaran mengikut jenis calon bagi peperiksaan STPM 2010 dan STPM 2011 adalah seperti yang berikut:

Full Passes

In the 2011 STPM examination, 2,581 or 5.10% candidates obtained full passes in 5 subjects. 2,581 or 40.72% of the candidates passed 4 subjects. 10,205 or 20.17% of the candidates passed 3 subjects. 7,065 or 13.96% of the candidates passed 2 subjects and 6,192 or 12.24% of the candidates passed 1 subject.

The total percentage of candidates who obtained full passes in 5 and 4 subjects had decreased, that is, from 46.41% (23,473 candidates) in 2010 to 45.82% (23,185 candidates) in 2011.

A comparison of the number and percentage of candidates who obtained full passes in 5 subjects, 4 subjects, 3 subjects, 2 subjects and 1 subject according to the types of candidates for the 2010 and 2011 STPM examinations is as follows:

Bilangan dan Peratusan Calon yang Lulus Penuh dalam Peperiksaan STPM 2010 dan STPM 2011 (Semua Calon)
Number and Percentage of Candidates who obtained Full Passes in the 2010 and 2011 STPM Examinations (All Candidates)

BILANGAN MATA PELAJARAN DENGAN KELULUSAN PENUH Number of Subjects with Full Passes	STPM 2010 STPM 2010		STPM 2011 STPM 2011	
	BILANGAN Number	PERATUSAN Percentage	BILANGAN Number	PERATUSAN Percentage
